


Jilid III
Bil. 11



Hari Jumaat
5hb Ogos, 1977

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 957]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam [Ruangan 991]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Cukai Pendapatan—Pelepasan [Ruangan 1036]

MALAYSIA

PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S. O. K. UBAlDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Perak).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH BIN JAFARUDDIN (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ DATUK ABDUL AZIZ BIN TAPA, D.K.S.J., A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- „ JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN V. V. ABOO, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Johor).
- „ TUAN HAJI AHMAD AZIZUDDIN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN, P.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN ALI BIN AHMAD, A.M.N. (Perlis).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK SERI J. E. S. CRAWFORD, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ DATUK SERI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).

- Yang Berhormat** TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- „ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ TUAN M. MAHALINGAM (Dilantik).
- „ DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., S.M.P., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ DATUK SEAH TENG NGIAB, D.P.M.J., S.M.J., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMMAD, P.G.D.K., P.N.B.S. (Sabah).
- „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- „ PUAN HAJJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ TUAN V. S. M. VELLAYAPPA, S.D.K., A.M.N., J.P. (Kedah).
- „ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ TUAN WONG KEE NAI (Dilantik).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Jumaat, 5hb Ogos, 1977

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

LUBANG-LUBANG (POT-HOLES)
DI JALANRAYA

1. Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada beliau sedar bahawa lubang-lubang (pot-holes) di merata jalanraya semakin bertambah bilangannya dari masa ke semasa. Ini adalah merbahaya bagi kenderaan terutama sekali pada waktu malam dan adakah beliau apa-apa rancangan untuk mengatasi masaalah ini seperti:

- (a) menubuhkan satu pasukan pekerja-pekerja khas di tiap-tiap Negeri untuk menampal mana-mana jalan yang berlubang dengan segera sebelum lubang-lubang ini bertambah besar dan bertambah merbahaya; dan
- (b) menghadkan berat muatan kenderaan-kenderaan yang boleh menggunakan jalanraya oleh kerana kenderaan-kenderaan yang berat yang menyebabkan jalan cepat rosak dan berlubang-lubang. Jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Lubang-lubang di jalanraya-jalanraya berlaku dari masa kemasa dan keadaan bertambah buruk di musim-musim hujan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemeriksaan sentiasa dijalankan oleh Jabatan Kerja Raya

Negeri dan Persekutuan untuk memperbaiki keadaan tersebut. Sekiranya Ahli Yang Berhormat mendapati ada lubang-lubang yang belum diperbaiki lagi adalah diharap Ahli Yang Berhormat dapat merujuk perkara ini ke Kementerian saya. Oleh yang demikian soal menubuhkan satu pasukan pekerja-pekerja khas tidak timbul.

- (b) Jalan Persekutuan dan Negeri dijeniskan kepada beberapa kategori dan had-had muatan yang menggunakan jalan tersebut diwartakan. Semua kenderaan dikehendaki mematuhi had-had muatan masing-masing dan permit khas dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya kepada kenderaan-kenderaan perdagangan yang membawa muatan berat yang tidak boleh dibahagikan. Permit-permit ini diberikan sekiranya kenderaan-kenderaan tersebut ingin menggunakan jalanraya-jalanraya yang mempunyai kekuatan terhad dan kebenaran ini hanya diberi untuk satu arah perjalanan sahaja.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menasihatkan kami supaya menjaga lubang-lubang dan selepas itu diberitahu kepada Kementerian yang berkenaan. Saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan, adakah Kementerian ini sedar selama ini bahawa Kementerian ini tidak dapat kerjasama dengan pihak L.L.N. dan juga Jabatan Talikom, J.K.R. tutup lubang L.L.N. buka? Jadi selama ini kerjasama itu tidak didapati. Adakah Kementerian ini sedar; jika sedar, apakah langkah yang sedang dibuat sekarang?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar dan oleh kerana L.L.N. dan Jabatan Kerja Raya duduk dalam

sebuah Kementerian yang sama telah diberi arahan bekerjasama menyelaraskan jadual kerja mereka.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Arshad tadi, iaitu kita mestilah menengokkan lubang-lubang dan memberi lapuran kepada pihak yang bertanggungjawab. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dengan lubang-lubang ini. Jikalau kita berjalan dengan motokar dan kenderaan lain dari Kuala Lumpur ke Seremban mengikut jalan lama penuh dengan lubang-lubang bukan kerana hujan bukan kerana angin bukan kerana ribut tetapi kerana perbuatan pihak yang bertanggungjawab. Jika sekiranya orang ramai (public) samada motokar, kenderaan lain dan sebagainya kerana lubang ini dia tergelincir ataupun jatuh ataupun jahanam keretanya, bolehkah atau tidak pihak public ini mendakwa Kerajaan kerana perbuatan Kerajaan dengan lubang-lubang yang tidak terjaga ini?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan keadaan (condition) jalan dari Kuala Lumpur ke Seremban, izinkan saya menegaskan di sini bahawa Kementerian saya sedar dan oleh yang demikian sebahagian besar Kuala Lumpur/Seremban Expressway telah dibuka untuk kegunaan orang ramai termasuk Ahli Yang Berhormat tersebut. Jadi, jalan lama ini sedang diperbaiki akan tetapi masalah telah timbul oleh kerana kontraktor yang pertama telah gagal dan kita telah tukar dan kita harap kontraktor baru dapat memberi perkhidmatan yang lebih memuaskan.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya bertanya tadi berkenaan dengan lubang, apabila lubang yang dikorek oleh J.K.R. misalnya merosakkan jalan, kemudian kenderaan yang berjalan terjatuh atau tergelincir oleh kerana keadaan jalan ini apa tindakan Kerajaan, adakah Kerajaan akan menggantirugi kereta ini ataupun bagaimana oleh kerana ini bukan perbuatan orang, itu adalah perbuatan J.K.R. sendiri?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya kena bertanya Pegawai Undang-undang Kementerian saya.

INFLASI DUNIA

2. **Tuan T. S. Gabriel** minta Menteri Kewangan menyatakan kedudukan inflasi dunia dalam tahun tujuh-puluhan (iaitu 1971, 1972, 1973 dan 1974) yang telah sebegitu hebat kita rasai walaupun Kerajaan kita telah mengambil langkah-langkah untuk melawan inflasi, tetapi inflasi, pada keseluruhannya, masih belum dapat diatasi. Apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk melawan inflasi dan resesi yang melanda seluruh dunia yang lambat laun akan mendatangkan akibat kepada negara kita lagi dan akibatnya kesemua rancangan-rancangan pembangunan negara kita dalam jangkamasa setahun atau dua tahun yang akan datang akan menjadi lumpuh.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, tidaklah mudah mengatasi inflasi dengan sepenuhnya disebabkan oleh keadaan ekonomi Malaysia yang terbuka, tetapi kita boleh mengawal inflasi sebagaimana yang kita telahpun berjaya melakukannya.

Sebahagian besar daripada kejayaan itu ialah hasil daripada langkah-langkah anti-inflasi, kewangan dan fizikal yang kita telah ambil semenjak tahun 1972. Sungguhpun kadar inflasi mungkin meningkat adalah tidak mungkin kenaikan harga yang melambung seperti yang dialami di antara tahun-tahun 1972 hingga 1974 akan berlaku lagi disebabkan perkembangan-perkembangan yang berlaku seiringan di waktu-waktu itu seperti kejatuhan hasil tanaman, kekurangan makanan dan kenaikan-kenaikan harga minyak adalah tidak mungkin akan berulang lagi sedemikian rupa.

Walaupun sukar untuk melindungi diri kita dari inflasi yang diimpot, namun seberapa yang boleh kita telah dapat mengurangkan kesan ini dengan cara membeli bahan-bahan impot kita daripada negara-negara yang mengalami harga-harga yang lebih setabil. Di samping itu semasa berlaku pergolakan kewangan baru-baru ini, Malaysia telah mengapungkan matawangnya dan ini telah mengakibatkan ringgit kita naik nilai secara purata berbanding dengan lain-lain matawang utama. Hasilnya ini telah dapat menolong mengurangkan kesan inflasi yang diimpot. Kita juga telah mengambil berbagai-bagai langkah kewangan dan fizikal

di dalam tahun 1973 dan 1974 iaitu tahun-tahun di mana kadar inflasi amat tinggi dan sesungguhnya Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil langkah-langkah yang sama atau yang lebih tegas sekiranya perlu.

Dari segi kesan ke atas rancangan-rancangan pembangunan dan perkembangan ekonomi negara, sukalah saya meningkatkan Ahli Yang Berhormat yang tahun-tahun inflasi yang tinggi tidaklah semestinya berkaitan dengan kadar perkembangan ekonomi sebenarnya.

Umpamanya, dalam tahun-tahun 1972 hingga 1974 di mana harga-harga telah naik begitu pesat, ekonomi kita telah mencapai kadar perkembangan sebenarnya sebanyak 6.2%, 11.9%, dan 6.4% masing-masingnya dalam tahun 1972, 1973 hingga 1974. Oleh itu, tidaklah ada sebab bagi Ahli Yang Berhormat bimbang akan rancangan-rancangan pembangunan kita akan lumpuh di dalam satu dua tahun yang akan datang sebagaimana yang telah disebutkan itu.

Saya rasa ada sebab-sebab untuk kita lebih optimis. Prestasi ekonomi kita adalah memuaskan dan harapan untuk mencapai pertumbuhan ekonomi dan kestabilan harga adalah masih menggalakkan. Namun saya bersetuju yang kita perlu berhati-hati dan bersedia menghadapi sebarang kemungkinan dan saya berharap kita akan dapat sokongan daripada semua sektor ekonomi demi hasrat kita untuk mencapai satu tingkat pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi berserta dengan kestabilan harga-harga melalui kata sepakat yang lebih tegas ke atas kesaksamaan harga, upah dan keuntungan.

Datuk Mansor bin Mohamad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan berhubung dengan inflasi. Walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menyatakan inflasi ini tidak membimbangkan dan tidak akan berulang lagi sebagaimana tahun-tahun 1972, 1973 dan 1974, tetapi memandangkan keadaan pada hari ini yang mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak berapa sedar ada setengah-setengahnya inflasi itu sengaja dikembangkan oleh peniaga-peniaga sendiri.

Jadi saya hendak tahu apakah tindakan atau langkah-langkah yang diambil untuk menolong golongan-golongan kecil yang sentiasa menjadi korban kepada peniaga-peniaga yang semacam itu? Saya misalkan

begini kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri masuk ke kedai kopi minum air sirap segelas, dia charge 40 sen segelas. Ini bererti dia akan untung tidak kurang daripada 200%. Di Trengganu dengan gelas yang sama dijual dengan harga 20 sen tetapi di Kuala Lumpur dikenakan 40 sen—di mana-mana kedai kopi pun.

Tuan Yang di-Pertua: Apakah soalan tambahannya?

Datuk Mansor bin Mohamad: Saya hendak tahu, apakah tindakan akan diambil? Begitu juga dengan masalah harga ikan sekarang sampai 2, 3 hingga 4 kali ganda harganya. Apakah yang patut diambil tindakan?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah di ulang-ulang.

Datuk Mansor bin Mohamad: Tidakkah elok kalau diadakan kawalan harga ke atas barang-barang ini, kerana ini adalah keperluan orang-orang miskin?

Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar bahawa setiap kenaikan akan melibatkan kehidupan rakyat secara langsung dan keadaan yang seperti ini disedari oleh Kerajaan dan oleh kerana itu tindakan-tindakan yang sewajarnya diambil oleh Kementerian-kementerian yang berkenaan dengan sebab inflasi yang ditimbulkan. Walau bagaimanapun, kalau Ahli Yang Berhormat melihat kepada kandungan Buku Rancangan Malaysia Ketiga (Bahagian VII), kita akan dapat membaca cara-cara dan tindakan-tindakan Kerajaan bagi menghapuskan atau sekurang-kurangnya tidak menaikkan inflasi di dalam negara kita.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu memang kita berdoalah supaya inflasi tidak naik. Itu memanglah harapan Wakil-wakil Rakyat dan Senator-senator di sini, tetapi tahu atau tidak inflasi ini terus berlaku. Ini sebagai misal pada tahun 1971 rumah berderet harganya \$12,000 dan sekarang \$35,000 dan akan terus-menerus naik harga ini. Ini menunjukkan yang inflasi itu terus berjalan. Jadi inilah yang dibimbangkan.

Yang kedua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu berapa peratuskan inflasi ini naik dari tahun 1971 sampai 1977. Mungkin ini soalan lain, tetapi saya hendak tahu berapa peratus kadar inflasi ini naik.

Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kenaikan harga barang dan inflasi seperti Ahli Yang Berhormat itu kemukakan, kenaikan harga barang-barang binaan misalnya itu bukan hanya berkait kepada harga rumah itu sebagai harga buatan, tetapi dia berkaitan juga dengan barang-barang yang diperlu untuk membuat rumah tidak sama harganya seperti beberapa tahun kebelakangan dan ini menyebabkan kenaikan harga rumah.

Walau bagaimanapun juga, soalan kawalan ini terletak di sebuah Kementerian untuk menjaga supaya harga-harga ini tidak begitu membosankan kita dan Kementerian Perumahan telah bertindak ke arah ini.

Adapun Ahli Yang Berhormat berhajat kepada berapa jumlah peratus inflasi bagi tahun-tahun 1972 hingga 1977 maka ini merupakan perangkaan, maka saya minta supaya diberi notis.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan memberi satu pengakuan di dalam Dewan ini bahawa pada saat sekarang adakah boleh diakui bahawa inflasi dalam negeri ini sedang menaik bukan turun? Ini berpunca daripada kelemahan-kelemahan Kerajaan mengawal inflasi daripada naik. Adakah Kerajaan bersedia hendak menyemak semula bahawa inflasi yang sedang naik ini akan dapat diturunkan supaya menyenangkan semua rakyat di dalam negeri ini?

Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, rasa saya tidaklah adil menuduh bahawa Kerajaan membiarkan inflasi ini naik tetapi Kerajaan sentiasa mengawasi supaya inflasi ini tidak begitu menjolok mata kita. Tetapi satu hal Yang Ahli Berhormat harus sedar bahawa inflasi ini bukan sahaja timbul dalam negara kita, tetapi berkaitan dengan inflasi di luar negeri. Oleh kerana itu, jika Ahli Yang Berhormat mengikuti jawapan saya untuk mengurangkan inflasi kita mencari bahan-bahan di mana

bahan-bahan itu kita impot dengan sekurang-kurangnya tidak membangkitkan inflasi dalam negara kita sepertimana yang telah saya beri jawapan sebenar tadi.

DASAR EKONOMI BARU

3. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah yang akan diambil untuk menerangkan kepada umum dengan teratur dan penuh cermat tentang konsep dan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru untuk mengelakkan salah faham dan curiga sebilangan besar rakyat negeri ini dan samada Kerajaan sedar bahawa jika ini tidak dilakukan maka usaha-usaha untuk mencapai perpaduan yang kekal di kalangan rakyat yang berbilang bangsa akan rosak.

Menteri Penerangan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah lama menyedari tentang perlunya rakyat memahami dengan sebenarnya Dasar Ekonomi Baru. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah berkali-kali menekankan perkara ini terutama sekali semasa penyediaan Rancangan Malaysia Ketiga dan juga sesudah ianya dilancarkan dalam bulan Julai tahun lepas. Konsep dan strategi Dasar Ekonomi Baru dan peranan Rancangan Malaysia Ketiga dalam usaha melaksanakan objektif-objektif Dasar Ekonomi Baru telah diterangkan dalam ucapan-ucapan beliau dan sebahagian daripadanya telah dicetak oleh Kementerian Penerangan untuk dibahagi-bahagikan kepada rakyat. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri-menteri lain telah juga mengadakan perbincangan-perbincangan dengan kumpulan-kumpulan sektor swasta baik di peringkat politik ataupun pegawai dan semasa kami membuat lawatan-lawatan di kawasan-kawasan di luar Kuala Lumpur. Dalam masa perbincangan-perbincangan itu kami bukan sahaja menyentuh tentang dasar-dasar secara keseluruhannya malah kami bincangkan juga masalah-masalah dan issue-issue khusus yang memerlukan penjelasan daripada Kerajaan.

Usaha-usaha serupa ini dengan jelas menunjukkan bahawa kami sedar tentang perlunya polisi-polisi Kerajaan ini diterangkan kepada rakyat di samping memahamkan mereka bagaimana polisi-polisi ini akan dapat memberikan sumbangan ke arah

mengujudkan perpaduan kaum di negeri ini. Pada masa yang sama, mulai dari sekarang semua rakyat patutlah menyedari sepenuhnya tanggungjawab memahami sebenar-benarnya apakah objektif-objektif Dasar Ekonomi Baru dan bagaimana caranya mereka patut menyakinkan kejayaannya.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya iaitu, bolehkah Kerajaan menjamin Dasar Ekonomi Baru ini tidak boleh bertolak ansur dengan siapa-siapa pun, maknanya terjamin? Dasar Ekonomi Baru tidak boleh kata begitu begini, tidak boleh didengar dan Dasar Ekonomi Baru mesti berjalan sepertimana dasar Kerajaan pada masa ini.

Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru adalah satu konsep yang bukan rigid—bukan kaku mempunyai satu konsep yang dapat berjalan dalam keadaan yang ada dari satu masa ke satu masa dalam negara ini—tetapi tujuannya telah kita letakkan dengan jelas dan dengan tegas.

Dalam mencapai tujuan ini strategi-strategi barangkali adalah flexible dari satu masa ke satu masa. Tetapi kita sudah ada committed kepada satu paras objektif yang kita hendak capai misalnya 30% dalam kekayaan (corporate wealth) dalam ekonomi negara kita patut pergi kepada pihak bumiputra dengan cara strategi-strateginya supaya 40% daripada yang bakinya pulang kepada rakyat lain dari kalangan yang bukan bumiputra dan 30% itu daripada rakyat yang luar, kerana kita masih lagi berkehendakkan kepada pelaburan daripada luar negeri kita. Jadi, soal bertolak ansur dalam implementation ini memang tidak dapat saya memberi jaminan kerana soal implementation mesti flexible. Kalau misalnya satu-satu area of policy itu berkehendakkan kepada pembaharuan cara melaksananya maka kita ubah suaiakan tetapi dalam matlamatnya (objektif) itu kita tidak akan berganjak, kita tidak akan bertolak ansur sama sekali. Itulah sebabnya dalam Dasar Ekonomi Baru ini kita tidak meletakkan objektif dalam masa yang pendek, misalnya satu tahun satu tahun, ataupun lima tahun lima tahun sekali. Kita mempunyai satu objektif yang panjang, perspective plan yang memakan masa jenerasi 20 tahun kerana keadaan dunia pun turun-naik dan keadaan dalam negara ini

pun turun, keadaan dunia seluruhnya kerana ekonomi kita terbuka, jadi kita tidak berani menganggap satu strategi yang betul-betul rigid (kaku) kerana ini bukan cara melaksanakan dasar ekonomi, kerana banyak faktor-faktor lain yang patut kita timbangkan tambahan pula dalam Dasar Ekonomi Baru ini faktor-faktor sosial adalah termasuk juga.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Adakah Kementerian yang berkenaan ini sedar bahawa atas jawapan yang telah disebutkan dalam Dewan ini banyak langkah yang telah dibuat oleh Kerajaan bagi menyedari rakyat supaya menerima konsep Dasar Ekonomi Baru sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri termasuk daripada Perdana Menteri hingga kepada Jabatan Sibaran Am? Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah dengan langkah yang kita jalankan itu kurang berjaya dengan sebab itu kita mendengar suara-suara rakyat mengkeritik dan merasakan tidak puas hati ataupun suara-suara sumbang atas Dasar Ekonomi Baru? Dengan keadaan ini berterusan, dapatkah Yang Berhormat Menteri memberikan satu hukuman kepada rakyat yang suara sumbang ini iaitu mereka itu terdiri daripada golongan anti nasional?

Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, soal menyebarkan maklumat adalah soal yang paling susah. Dalam negara kita ini sedangkan radio boleh dibeli di tiap-tiap rumah tetapi ianya tidak dapat meliputi seluruh rakyat dalam negara ini terutama sekali golongan yang bukan Melayu dan juga masing-masing mempunyai pattern atau bentuk hidup; ada segolongan yang jadi petani yang tidak mahu langsung mendengar radio, mereka berkebun sahaja—tidak campur hal orang sama sekali. Kalau kita bertanya, sudahkah dengar Dasar Ekonomi Baru? Barangkali pertanyaan itu pun dia tidak faham, jangan kata soal-jawab. Ini menjadi masalah pada kita sekarang ini.

Saya sendiri sebagai Menteri Penerangan Am cuba hendak mencari bagaimana hendak membina satu communication link kepada mereka itu. Perkara ini bukan perkara senang. Ada segolongan dalam negara kita ini yang boleh dikatakan mempunyai sikap terencil dalam psychological sense, sungguhpun tidak terencil dalam geographical sense. Mereka ini adalah terencil kerana masaalah-masaalah daripada masa dahulu juga—

daripada emergency dahulu sudah ada. Jadi segolongan ini memang susah bagi kita untuk menghubungkan, jangan kata hendak memberi penerangan yang cukup jelas, golongan lain, saya rasa cukup memahami. Sungguhpun begitu, salah faham mestilah timbul; ada salah faham yang sengaja; ada yang faham tetapi tidak mahu faham mahu menggunakan pendirian masing-masing juga, kita sedar atas soal ini. Tetapi saya percaya pihak yang tidak faham ini ataupun purapura tidak faham kerana mereka ada interest yang berlawanan dengan konsep Dasar Ekonomi Baru ini semakin hari semakin nampak bahawa kalau mereka benar-benar mahu mengikut nasib mereka dengan nasib negara ini maka tidak ada pilihan bagi mereka melainkan sama-sama memilih untuk menyumbangkan tenaga menjamin kejayaan Dasar Ekonomi Baru kita, kerana pilihan yang lain itu akan merugikan semua pihak bukan pihak mereka sahaja atau pihak itu sahaja.

PELABUHAN BEBAS PULAU PINANG

4. Tuan Oh Siew Aun minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau sedar bahawa kehilangan taraf pelabuhan Pulau Pinang telah menyusahkan penduduk-penduduk Pulau Pinang khasnya peniaga-peniaga kecil dan jika ya, apakah langkah-langkah yang sesuai dirancang supaya akibat-akibat buruk tersebut dapat dikurangkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menambahkan peluang-peluang perdagangan sesudah Kerajaan memutuskan untuk memansuhkan taraf pelabuhan bebas adalah termasuk pemberian pinjaman kepada Kerajaan Pulau Pinang atau ajensinya untuk mengganti lagi aktiviti-aktiviti ekonomi di Pulau Pinang. Kerajaan Persekutuan telah memberi pinjaman sebanyak \$32 juta kepada Perbadanan Kemajuan Pulau Pinang dalam tahun 1973 dan 1975 untuk memajukan kawasan-kawasan perusahaan dan perdagangan bebas seperti di Bayan Lepas dan Perai serta untuk projek Angkasa Perdana. Projek-projek ini tentulah dapat menampung peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan bagi penduduk-penduduk di Pulau Pinang.

Sebagaimana yang telah diumumkan Kerajaan Persekutuan juga sedang mengkaji kemungkinan menubuhkan kedai-kedai tanpa duti sebagai satu penarik kepada menggalakan pelancungan kepada negara ini dan jika ianya didapati sesuai dengan keadaan adalah dicadangkan kedai-kedai ini diadakan juga di Pulau Pinang.

Datuk Syed Hassan Aidid: Soalan tambahan. Salah satu daripada cara hendak menolong pekedai-pekedai ataupun peniaga-peniaga di Pulau Pinang maka Kerajaan telah mencadangkan beberapa tahun yang sudah untuk mengadakan free trade area, perkara ini pun telah senyap-sunyi. Jadi saya suka hendak tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan adakah perkara ini akan dilaksanakan atau tidak.

Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, free trade area ini adalah satu daripada cara yang difikirkan oleh Kerajaan, tetapi perkara yang seperti ini tentulah memakan masa juga untuk menyasat dan mengkajinya. Walau bagaimanapun, Kerajaan adalah bertimbang rasa dan bersimpati dengan keadaan yang telah timbul di Pulau Pinang.

PERMAINAN TRADISI

5. Datuk Abdul Aziz bin Tapa minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan tentang perjalanan dan perkembangan usaha Kementerian ini berhubung dengan kajian untuk memajukan permainan-permainan tradisi tanah air kita.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memang di antara lainnya sedang giat melaksanakan kajian berhubung dengan permainan-permainan tradisi yang terdapat di tanahair kita. Meski pun begitu, dari segi kerja-kerja penyelidikan yang dijalankan, Kementerian sekurang-kurangnya sedang membahagikan kepada 20 bidang penyelidikan penting yang diusahakan di peringkat negeri. Ini termasuklah pengumpulan-pengumpulan bahan muzik dan nyanyian, tarian, theater dan drama tradisional, perubatan, peralatan, pakaian, perhiasan, tokoh kebudayaan, permainan rakyat dan sebagainya.

Kerja-kerja ini memerlukan kakitangan dan pegawai-pegawai di tiap-tiap negeri. Sehingga ini pegawai-pegawai penyelidik telah ditempatkan di enam (6) buah negeri sahaja iaitu Kelantan, Trengganu, Pahang, Kedah, Perak dan Johor. Kementerian saya bercadang sekurang-kurangnya dua (2) orang pegawai penyelidik akan ditempatkan di tiap-tiap negeri termasuk di Sabah dan Sarawak. Beberapa kajian di bidang permainan-permainan tradisi ada terdapat di dalam dokumentasi Kementerian ini.

Cuma yang menjadi persoalan sedikit bagi saya sekarang untuk menguat dan memajukan dengan seberapa cepat yang boleh dalam bidang-bidang yang tertentu ialah kerana Kementerian ini masih kekurangan wang.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam usaha Kementerian ini mengadakan kajian dan penyelidikan dalam usaha permainan, tarian dan lain-lain. Dapatkah Kementerian ini mengiktirafkan pada tiap-tiap negeri supaya ada satu permainan tradisi negeri itu sendiri, macam Negri Sembilan "Cak Lempong"; Johor dengan "Ghazal"; Pulau Pinang dengan "Boria". Dengan keadaan ini melalui tarian itu dapat diketahui oleh umum atau masyarakat bahawa tarian atau nyanyian ini datangnya daripada negeri itu.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir jika Kerajaan mengiktiraf satu permainan itu berbentuk kenegarian, saya kira ini kurang sihat. Tetapi walaupun ia tumbuh dalam negeri itu tetapi jika sekiranya permainan itu dapat diterima oleh rakyat, misalnya, tarian "Kenyah" daripada Sarawak, satu tarian yang menarik dan ini tidak mungkin kita katakan ini tarian daerah Sarawak, tetapi boleh kita katakan ini tarian datang daripada daerah Sarawak, tetapi harus dijadikan ia sebagai satu tarian yang diterima oleh seluruh masyarakat negara kita. Dalam hal ini, saya fikir tidak perlu buat setakat ini, ataupun mungkin masa akan datang Kerajaan mengiktiraf satu-satu tarian, nyanyian itu berbentuk kedaerahan.

Datuk Abdul Aziz bin Tapa: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menjawab perkara-perkara untuk menyiasat dan mengkaji, menyelidik permainan tradisional ini kurang laju kerana kekurangan wang.

Jadi, adakah atau tidak Kementerian ini memohon kepada Treasury untuk menambah perbelanjaan ini?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini sudah pun membuat permohonan untuk Budget tahun 1978 dan ini saya harap Ahli Yang Berhormat nanti menyokong dengan kuat dan boleh ditambah lagi. Cuma sedikit halangan kadangkadangkang ada pendapat-pendapat yang tidak berapa tepat dengan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Kementerian ini yang dianggap bahawa kebudayaan itu merupakan tarian dan nyanyian sahaja, padahal kebudayaan itu adalah meliputi seluruh bidang ataupun seluruh aspek kehidupan manusia. Jadi, ini adalah sedikit halangan tetapi, insya Allah, halangan-halangan ini mungkin dapat diatasi.

Datuk Abdul Aziz bin Tapa: Soalan tambahan. Bolehkah atau tidak Kementerian ini memberi sedikit kursus kepada Kementerian Kewangan ini biar dia tahu bahawa kebudayaan itu bukan tarian dan mainan sahaja? Tarian itu hanya satu cultural expression, ada banyak lagi perkara yang mesti disiasat. Bolehkah atau tidak dibuat begitu?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak ada kuasa, tetapi bolehlah saya cadangkan kepada pihak yang berkenaan.

PEJABAT IMIGERESEN DI SEREMBAN

6. Datuk Chong Foo Khin minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan oleh kerana sejak beberapa tahun kebelakangan ini warganegara kita telah banyak menggunakan Pejabat Imigresen terutama mereka-mereka yang ingin melancung keluar negeri samada beliau sedar bahawa Pejabat Imigresen di Seremban dan Kuala Pilah, Negeri Sembilan sangat-sangat tidak memuaskan, tidak ada kemudahan-kemudahan asasi yang disediakan untuk orang ramai. Khabarnya Pejabat ini asalnya adalah garage kereta yang diperbaiki. Jika benar, adakah ura-ura Kerajaan untuk membina Pejabat yang baru dan jika ada, bila.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini memang sedar

bahawa Pejabat Imigeresen di Seremban itu ditempatkan di dalam sebuah bangunan yang kecil. Walau bagaimanapun, pihak Jabatan Imigeresen telahpun mengambil tindakan-tindakan membesarkan ruang pejabat itu seberapa yang boleh dengan mengadakan kemudahan yang sederhana bagi orang ramai.

Apabila siap Bangunan Federal Kompleks di Seremban yang sedang di dalam pembinaan sekarang, maka keadaan yang tidak memuaskan ini mungkin dapat diselesaikan kerana Pejabat Imigeresen adalah salah satu daripada jabatan-jabatan Persekutuan yang akan ditempatkan dalam bangunan itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak ada Pejabat Imigeresen di Kuala Pilah.

ROMBONGAN BELIA DAN KEBUDAYAAN

7. Datuk Haji Abu Bakar Titingan minta Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan menyatakan kenapa rombongan-rombongan belia dan kebudayaan yang diundang ke negeri asing tidak disertai oleh jurugambar dan wartawan. Jika undangan itu dihadkan kepada belia-belie sahaja adakah beliau sebarang rancangan untuk melatih seorang dua belia untuk menjadi wartawan dan memasukkan mereka ke dalam kumpulan kebudayaan dan belia.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, kelazimannya rombongan kebudayaan dan juga belia diundang oleh penganjur luar negeri adalah ditentukan kategorinya dan bilangan pesertanya. Rombongan yang besar lebih daripada 20 orang selalunya dibawa bersama Pemberita dan Jurugambar TV untuk melapurkan peristiwa lawatan tersebut. Dalam proses pemilihan peserta untuk menyertai rombongan kebudayaan dan belia ini keutamaan adalah diberikan kepada mereka yang mempunyai bakat dalam bidang kesenian dan juga dalam beberapa bidang yang lain seperti bidang wartawan dan sebagainya.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, beberapa orang wartawan yang memenuhi syarat-syarat pemilihan yang ditetapkan dan aktif dalam pertubuhan belia juga pernah dipilih bagi menyertai rancangan-rancangan

ini. Selain dari mereka dapat mengambil bahagian dalam pertunjukan kebudayaan dan rancangan belia yang diatur, mereka juga berpeluang berlatih untuk melapurkan peristiwa yang diadakan pada masa yang tertentu.

PERMIT TEKSI

8. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:

- (a) berapa bilangan permit teksi yang telah dikeluarkan di dalam Semenanjung Malaysia pada tahun 1976 kepada pemandu-pemandu kereta;
- (b) berapakah permit-permit yang telah diberi kepada Syarikat-syarikat; dan
- (c) berapakah permit-permit yang telah diberi kepada bukan bumiputra.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan permit-permit teksi yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Pelesenan di Kementerian saya dalam tahun 1976 ialah sebanyak 1,877 buah. Kementerian saya tidak menyimpan rekod berkenaan bilangan permit-permit yang diberi kepada pemandu-pemandu teksi.
- (b) Jumlah permit-permit yang telah diberi kepada syarikat-syarikat dalam tahun 1976 ialah 133 buah.
- (c) Jumlah permit-permit yang telah diberi kepada bukan bumiputra pula sebanyak 223 buah.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian ini sedar bahawa dengan banyaknya Kementerian ini mengeluarkan permit-permit teksi dalam negeri ini mendatangkan satu kegelisahan kepada tuan-punya-tuan-punya teksi itu? Dengan ini, adakah Kementerian ini bersedia hendak menjalankan satu kajian supaya pada masa akan datang permit yang dikeluarkan itu benar-benar boleh memberi faedah kepada pemandu-pemandu yang kita berikan lesen teksi?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah menjalankan satu kajian dan lapuran inipun telah diberi kepada Yang Berhormat Menteri dan tindakan

sedang diambil. Jadi, mengikut kajian ini bilangan kekosongan yang perlu ditetapkan di sebuah negeri atau bandar telah dicadangkan berdasarkan beberapa faktor yang saintifik.

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menyatakan bahawa Kementeriannya tidak mengadakan satu rekod mengenai permohonan-permohonan daripada pemandu teksi. Bolehkah saya bertanya samada Kementerian bercadang hendak mengadakan satu rekod supaya tidak ada eksploitasi daripada saudara-saudara yang kaya hanya memiliki lesen teksi?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja Kementerian saya bercadang tetapi pada tahun ini Kementerian saya akan menggunakan komputer untuk memproseskan permohonan dan dengan itu kita boleh tahu dengan tepatnya beberapa pemandu-pemandu teksi yang mendapat lesen.

KEGIATAN SUBVERSIF KOMINIS

9. Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berikutan dengan penyiasatan pihak Polis di atas perkara subversif-subversif kominis dalam jentera Kerajaan kita, adakah Kerajaan akan lebih berwaspada pada masa akan datang dan benar-benar mengambil langkah dengan seberapa segera untuk menghantar balik pegawai-pegawai kedutaan luar negeri yang mencampuri hal ehwal negara seperti yang dikatakan oleh Ketua Polis Negara di dalam Talivisyen Malaysia tidak beberapa lama dahulu iaitu Pegawai Kedutaan Negara Komunis di Kuala Lumpur mencampuri politik dalam negeri kita.

Dato' Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa waspada terhadap kegiatan subversif kominis bukan sahaja di dalam jentera Kerajaan bahkan di dalam apa juga bidang yang lain dalam negeri ini. Ini termasuklah penglibatan kedutaan-kedutaan asing yang menjalankan kegiatan-kegiatan yang bertentangan dengan ethics diplomatik yang boleh menjejaskan keselamatan negara kita.

Bagi pihak Yang Berhormat Menteri, saya memberi jaminan bahawa Kerajaan adalah sentiasa mengambil tindakan-tindakan wajar dan tegas dalam perkara ini.

ORDINAN LALULINTAS JALAN, 1958

10. Tuan Haji Ahmad Azizuddin bin Haji Zainal Abidin minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan memandangkan lori-lori pengangkutan yang makin lama makin bertambah besar dan panjang adakah Kementerian membuat rancangan bagi mengawal pergerakan lori-lori seperti ini di dalam bandar-bandar di mana jalan-jalan telah menjadi sempit disebabkan banyak kereta-kereta baru ataupun perancangan jalanraya memang sempit.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, peruntukan tertentu adalah diadakan di dalam Ordinan Lalulintas Jalan, 1958 yang memberi kuasa kepada Pihak-pihak Berkuasa Tempatan untuk menghadkan penggunaan sesuatu jalan di dalam kawasan tempatan yang berkenaan itu oleh kenderaan-kenderaan tertentu seperti lori dan sebagainya. Peruntukan ini adalah difikirkan memadai dan oleh itu terserahlah kepada pihak-pihak Berkuasa Tempatan untuk menguatkuasakan Undang-undang ini jika perlu.

Tuan Haji Ahmad Azizuddin bin Haji Zainal Abidin: Tuan Yang di-Pertua, adakah ini bermakna Kementerian Yang Berhormat itu sudah ada membuat siasatan tentang pergerakan barang-barang di dalam Malaysia ini supaya dapat diaturkan perkara pengangkutan tidak bercanggah samada dengan kereta, keretapi dan lain-lain jua?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya ini merupakan satu soalan yang lain sebab dalam soalan asal Ahli Yang Berhormat itu masaalah pergerakan lori-lori di bandar-bandar besar telah dikemukakan.

Berkenaan dengan competition yang mungkin berlaku di antara pengangkutan-pengangkutan jalan (road transport) dan pengangkutan keretapi, izinkan saya menerangkan bahawa Kementerian Perhubungan dan Kementerian saya ada satu badan bersama yang sedang mengkaji dan menyelaraskan perkara ini.

KAWASAN KAYU BALAK

11. Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan jumlah ekar kawasan kayu balak di Semenanjung Malaysia dan jumlah ekar yang telah dikerjakan oleh:

- (a) pihak swasta; dan
- (b) Bumiputra.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, jumlah keluasan kawasan kayu balak di Semenanjung Malaysia adalah seperti berikut:

<i>Hutan</i>	<i>Keluasan ekar</i>
Tanah hutan di Semenanjung Malaysia	17.8 juta
Hutan Perlindungan (guna untuk conservation)	47.0 "
Hutan balak yang tidak berharga	2.0 "
Hutan berhasil (productive forest)	11.1 "

Bagi soalan (a) dan (b) saya perhatikan soalan ini tidak menyebut tahun yang mana perangkaan itu dikehendakki, jadi saya berikan jumlah keluasan yang telah dikerjakan bagi tahun 1974 hingga tahun 1976. Jumlah keluasan yang telah dikerjakan oleh pihak swasta dan oleh bumiputra adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Keluasan ekar</i>
1974	Swasta persendirian ... 811,501
	Perkongasian ... 35,864
	Jumlah ... 847,725
	(518,293 ekar bumiputra)
1975	Swasta persendirian ... 663,531
	Perkongasian ... 50,159
	Jumlah ... 713,690
	(451,003 ekar bumiputra)
1976	Swasta persendirian ... 929,368
	Perkongasian ... 48,280
	Jumlah ... 977,648
	(582,592 ekar bumiputra)

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, benar atau tidak kebanyakan bumiputra yang meminta diberi hutan-hutan atau kawasan-kawasan yang 300-500 ekar sahaja melainkan bumiputra-bumiputra yang tertentu.

Kedua, syarikat-syarikat yang tertentu untuk mendapatkan hutan-hutan yang besar-besar ini adalah terdiri daripada orang-orang yang boleh dikatakan ternama belaka yang kebanyakannya mendapat hutan-hutan besar ini. Jadi, bolehkah Kerajaan membuat satu dasar mengadakan tender? Ada setengah-setengahnya ada tender tetapi yang setengahnya tidak ada tender langsung, diberi begitu sahaja. Perkara ini berlaku. Bolehkah atau tidak Kerajaan menjamin? Hutan ini adalah soal Kerajaan Negeri, tetapi semalam bila ditanya dikeluarkan lesen "A" dan "B" ini ada juga berkaitan dengan Kerajaan Federal. Dengan sebab itu bolehkah atau tidak Kerajaan Federal atau Kementerian yang berkenaan mencadangkan supaya pada hari yang akan datang satu kawalan yang ketat betul-betul supaya hutan-hutan ini jangan dapat ke tangan orang yang tidak diingini oleh rakyat yang ramai ini?

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan semalam kuasa untuk membalak hutan ialah kuasa Kerajaan Negeri dan Kementerian saya sedar ada perbezaan dasar untuk mengeluarkan lesen untuk membalak dan juga lesen untuk mewujudkan kilang papan di antara satu negeri dengan lain. Ini adalah salah satu perkara yang boleh dikatakan sensitif sebab ini ialah satu kuasa Kerajaan Negeri. Ada setengah Kerajaan Negeri membuat secara tender seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi. Dengan sebab adanya perbezaan ini Kementerian saya telah membuat satu Dasar Perhutanan Negara yang mana kita boleh meseragamkan semua dasar dan kita harap setelah mendapat persetujuan Kerajaan Negeri masing-masing kita boleh menjalankan dasar ini di negeri-negeri di seluruh Semenanjung Malaysia.

Tuan Haji Ahmad Azizuddin bin Haji Zainal Abidin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tertarik hati dengan apa yang dikatakan dua juta ekar yang tidak berhasil. Saya hendak mendapat penerangan. Adakah ini kawasan-kawasan yang termasuk kita lihat tinggal lalang belukar sahaja tidak dijayakan dan setengah-setengahnya diketahui diceroboh oleh penanam-penanam ubikayu haram?

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, dua juta ekar hutan yang saya katakan tadi tidak berharga ialah hutan yang masih di

dalam regeneration seperti saya katakan tadi dari 17.8 juta ekar itu cuma 4.7 juta ekar adalah protective forest. Jadi bakinya 13.1 juta ekar yang mana cuma 1.1 juta ekar itu dapat diuruskan. Jadi dua juta ekar ini dalam regeneration ini kita kena tunggu barangkali 60-70 tahun.

SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL

12. Datuk V. Ponnusamy Pillai minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan sekolah-sekolah yang akan dibina di dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan daripada bilangan ini berapakah akan terdiri daripada sekolah-sekolah jenis Kebangsaan Tamil.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan ini telah dijawab oleh Timbalan Menteri Pelajaran pada 3hb Ogos, 1977. Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran bercadang membina sebanyak:

395 buah Sekolah Menengah dan
856 buah Sekolah Rendah

di dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Di antara ini 39 buah adalah Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil.

PEMERIKSAAN KASTAM DI BUTTERWORTH DIBATALKAN

13. Datuk Syed Hassan Aidid minta Menteri Kewangan menyatakan bilakah pemeriksaan kastam di Butterworth akan dibatalkan.

Timbalan Menteri Kewangan (Puan Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, pemeriksaan Kastam di Butterworth akan dibatalkan sebaik sahaja semua barang-barang dikenakan duti kastam di Pulau Pinang.

Datuk Syed Hassan Aidid: Soalan tambahan. Perkara ini sudah lama sangat dan kita ketahui barang-barang yang kena cukai tidak berapa banyak lagi dan ini menyusahkan orang lalulintas antara Pulau Pinang dan Tanah Besar dan juga memakan masa orang ramai. Jadi, bilakah boleh perkara ini dilaksanakan?

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah sedang dalam pertimbangan Kementerian Kewangan.

LAPANGAN TERBANG ANTARA- BANGSA SUBANG

14. Datuk Dr Wee Khoon Hock minta Menteri Perhubungan menyatakan samada Kerajaan sedar bahawa keadaan kemudahan-kemudahan lapangan terbang yang disediakan di bangunan persinggahan Lapangan Terbang Antarabangsa Subang adalah tidak begitu memuaskan; sistem hawa dingin telah rosak semenjak lima bulan yang lalu sehingga pertengahan bulan Julai dan sehingga sekarang masih belum lagi diperbaiki, dan juga "baggage conveyor belt system" didapati rosak dari masa ke masa. Keadaan seperti ini tidak memberikan gambaran yang baik mengenai negara ini kepada para pelancung dan juga penumpang. Jika ya, bilakah langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini akan diambil.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar bahawa kemudahan-kemudahan terminal Lapangan Terbang Antarabangsa Subang adalah kurang memuaskan. Kerosakan alat-alat pendingin udara baru-baru ini adalah tidak dapat dielakkan. Walaupun demikian, alat-alat baru akan dipasang dalam rancangan pembesaran keseluruhan lapangan terbang itu yang sedang diusahakan sekarang. Buat sementara itu alat-alat "window type units" sudahpun dipasang di bilik keberangkatan antarabangsa dan dalam negeri serta juga di bilik persinggahan.

Kerosakan yang berlaku pada "conveyor belt" dari masa ke masa adalah merupakan kerosakan mekanikal biasa oleh kerana alat ini sudah agak lama, iaitu dipasang pada 1hb September, 1965. Dalam rancangan pembesaran bangunan terminal Lapangan Terbang Antarabangsa Subang yang sedang diusahakan sekarang ini satu sistem "conveyor belt" yang lebih berkesan akan diadakan.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah atau tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan memberi kemudahan kepada rakyat yang hendak pergi ke luar negeri iaitu bangku yang di luar di lapangan terbang itu dibuat dari batu? Kalau duduk lima minit badan sakit. Di lapangan terbang antarabangsa yang lain tempat duduknya elok, boleh duduk dengan seronok, tetapi

kalau kita pergi ke Lapangan Terbang Subang itulah bangkunya batu, lebih baik letakkan ketul-ketul batu sahaja untuk orang duduk. Jadi ini diharap dapat dibaiki kerana bukan memakan belanja yang banyak. Saya yakin dan percaya boleh dibuat perkara ini dan bolehkah dibuat dengan serta merta?

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, bolehlah diberi pengakuan bahawa masalah ini dapat diperbaiki dan boleh dibuat apabila rancangan pembesaran itu dilaksanakan dan dijangka dimulakan pada tahun hadapan.

BANGSAWAN

15. Datuk Abdul Aziz bin Tapa minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan apakah rancangan-rancangan Kementerian ini berhubung dengan Bangsawan setelah menganjurkan satu seminar mengenai baru-baru ini.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, Bengkil Bangsawan yang dianjurkan oleh Kementerian ini pada 4hb dan 5hb Jun, 1977 di Kompleks Budaya Negara telah membuat beberapa rumusan penting berhubung dengan pemulihan Bangsawan. Kementerian akan terus melaksanakan rancangan-rancangan berhubung dengannya mengikut keutamaan.

Di antara rumusan-rumusan penting terhadap pemulihan Bangsawan ialah berhubung dengan perlunya satu Kompleks Tetap Bangsawan, penubuhan satu kumpulan Bangsawan sendiri, Jawatankuasa Bangsawan, latihan dan cadangan-cadangan lain yang berhubung dengan perkembangan dan penggalakannya.

Kementerian akan mengambil langkah pertama dan usaha-usaha sedang dijalankan sekarang bagi menubuhkan satu kumpulan Bangsawan yang direncanakan akan merupakan "Model" Bangsawan Malaysia. Usaha-usaha perkembangan pemodenan theater Bangsawan adalah memerlukan langkah-langkah yang wajar supaya aspek-aspek yang penting berhubung dengannya baik di bidang senilakun, suara, muzik, teknik dan sebagainya akan tetap memperlihatkan kekuatan-kekuatan dan kemungkinan-kemungkinan Bangsawan sebagai satu

theater moden yang menunjukkan keperibadian kebangsaan. Kementerian juga sedang berusaha untuk mendapatkan satu tempat khas bagi tujuan-tujuan latihan Bangsawan dan sekurang-kurangnya ada menyediakan kemudahan-kemudahan bagi menjamin kemajuannya.

Satu perkara yang sedang diaturkan sekarang ini ialah jika sekiranya hendak membentuk suatu bangsawan yang benar-benar dapat mewujudkan keperibadian nasional kita, saya telah membuat suatu budget mengenainya yang memerlukan wang sebanyak tidak kurang \$100,000. Wang sebanyak ini adalah sukar bagi Kementerian ini untuk mengadakan dengan secepat mungkin. Bagaimanapun saya sedang berhubung dengan pihak swasta supaya dapat meng sponsorkan projek bangsawan ini oleh pihak yang tertentu dan saya telah tujukan ini kepada Syarikat *Utusan Melayu*. Walau bagaimanapun, perundingan sedang dijalankan dan diharap dapat syarikat tersebut menerimanya.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Tadi, Yang Berhormat Menteri ada menyatakan untuk membuat berbagai rancangan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan wangnya tidak ada dan untuk membuat sebuah kompleks bangsawan itu juga memakan belanja yang besar juga. Saya dapat tahu Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini mendapat peruntukan paling sedikit daripada Kerajaan. Jadi, adakah Kerajaan fikir Kementerian ini tidak ada erti kepada Kerajaan atau negara dengan sebab itu pemberian tahunan sangat sedikit dan tidak dapat membuat sesuatu rancangan?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan agak lain sedikit kerana itu adalah peruntukan wang dan yang ditujukan ini ialah soal bangsawan. Jadi, soal bangsawan memang ada hubungan dengan wang tetapi soal-soal yang bersangkutan dengan bangsawan itu sedang kita aturkan dan soal pertambahan wang juga kita sudah minta dan diharapkan berjaya.

Tuan Haji Ahmad Azizuddin bin Haji Zainal Abidin: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya sedikit tentang latihan bangsawan itu, kerana di waktu saya kecil dahulu saya selalu menengok bangsawan

dan saya tertarik hati sangat terhadap para pelawak di dalam bangsawan itu. Sungguhpun lakunan pemuda disukai ramai, tetapi para pelawak itu menarik hati saya. Maka saya hendak bertanya samada rancangan latihan itu ada mencari bakat (talent) supaya ada lagi nama-nama seperti "AMAN BELON", "PUTIH LAWAK" dan sebagainya. Tokoh-tokoh baru itu dapat kita munculkan pula.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan detail atau perincian. Memanglah dalam soal hendak melengkapkan seni bangsawan mestilah merupakan suatu team yang betul-betul lengkap dan termasuk ahli-ahli lawak, kalau berkehendakkan ahli bangsawan seperti AMAN BELON atau PUTIH LAWAK memang tak ada lagi, barangkali anak cucunya kita cuba dan diharap mereka dapat talent seperti itu juga.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, setahu saya, RTM ada mencampurkan lagu-lagu Tionghua, India dan Melayu yang dikelolakan oleh Johari Salleh. Saya suka menarik perhatian dan bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan mengenai bangsawan Tionghua tidak boleh dicampurkan, supaya orang Tionghua tidak berasa sakit hati sebab bangsawan melayu sahaja ditunjukkan. Jadi, adakah rancangan dibuat mengenai bangsawan Tionghua kita mencampurkan satu kebudayaan yang agak realistik?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, soal itu saya rasa tidak timbul kerana bangsawan China juga ada dalam negara ini dan memerlukan jangka panjang kalau kita hendak menggabungkan seluruh kehendak manusia, kerana kita sebagai manusia berkehendakkan sesuatu itu mengikut kegemaran masing-masing ibarat kita makan, kalau kita tidak suka sayur kangkung, disuruh juga makan, akhirnya dimuntahkan balik. Jadi, apa yang harus kita buat, kita hidangkan sedikit demi sedikit dan buat permulaan dia berasa kurang sedap, tetapi akhirnya mereka akan meminatinya. Dalam bidang ini saya rasa kita perlu juga meneliti tetapi buat setakat ini biarlah bangsawan itu dikumpulkan oleh setiap golongan suku kaum supaya dapat menunaikan kehendak-kehendak selera masing-masing.

SIDANG KEMUNCAK ASEAN

16. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah faedah kepada Malaysia yang boleh dijangka daripada persidangan-persidangan yang berikut:

- (a) Sidang Kemuncak Ketua-ketua Negara ASEAN, dan adakah dijemput Ketua-ketua atau Wakil-wakil negara-negara Asia Tenggara ke Sidang ini sebagai pemerhati; dan
- (b) Persidangan Perdana-perdana Menteri Komanwel di London baru-baru ini dan benarkah selepas persidangan ini Malaysia tidak dapat lagi menerima bantuan Rancangan Colombo.

Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sidang Kemuncak Ketua-ketua Negara ASEAN kali yang Kedua ini hanya disertai oleh Ketua-ketua Negara Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand dan kemuncak ini adalah satu perkembangan yang mustahak bagi ASEAN. Ianya akan memberi perhatian penting kepada usaha-usaha ASEAN bagi melaksanakan rancangan-rancangan kerjasamanya dan akan memberi mandat yang terbaharu kepada ASEAN dalam pelaksanaan rancangan-rancangan dan projek-projek kerjasamanya. Ahli Yang Berhormat sedia maklum, di Persidangan Kemuncak di Bali, Ketua-ketua Kerajaan ASEAN telahpun memberi arahan-arahan yang tertentu sebagai satu rancangan tindakan bagi mencapai objektif dan matlamat ASEAN. Adalah perlu supaya usaha-usaha ASEAN itu diberi keutamaan dan galakan yang berlanjutan. Perhatian ke atas kerjasama ASEAN yang diberi oleh Ketua-ketua Kerajaan ASEAN ini tentulah akan memberi hasil yang memuaskan kepada ASEAN pada keseluruhannya, dan hasil-hasil yang dicapai oleh ASEAN itu tentulah akan memberi faedah bersama kepada ahli-ahlinya termasuk Malaysia.

Bagi pihak Malaysia khususnya, Sidang Kemuncak ASEAN yang berlangsung di Kuala Lumpur ini akan memberi penghormatan kepada negara kita

selaku tuan rumah, dalam mana negara kita dapat memainkan peranan penting, tambahan lagi memandangkan bahawa Persidangan Kemuncak ini diadakan sempena dengan ulang tahun yang kesepuluh tertubuhnya ASEAN.

- (b) Persidangan Ketua-ketua Negara Komanwel yang berlangsung pada 8hb sehingga 15hb Jun, 1977 di London baru-baru ini telah memberi peluang kepada Malaysia merapatkan lagi perhubungan dengan negara-negara Komanwel lain. Persidangan tersebut juga telah memberi kesempatan kepada kita bertukar-tukar fikiran mengenai soal-soal kepentingan bersama.

Menyentuh soal-soal politik beliau berpuas hati dengan persidangan tersebut kerana rumusan-rumusan terhadap masalah-masalah seperti soal Asia Barat, Afrika Selatan, Cyprus, dan Lautan Hindi adalah selaras dengan kehendak-kehendak dasar luar negeri kita sendiri.

Di Persidangan itu juga Malaysia telah dipilih menganggotai sebuah Jawatankuasa Menteri untuk meneliti usaha-usaha dan kemajuan yang tercapai ke arah kemerdekaan tanah jajahan Belize. Keanggotaan Malaysia ini menunjukkan keyakinan dan penghormatan negara-negara Komanwel terhadap negara kita.

Di bidang ekonomi pula persidangan Ketua-ketua Negara-negara Komanwel telah memberi peluang kepada kita memaklumkan kepada negara-negara lain mengenai dasar-dasar dan keperluan-keperluan kita terhadap isu-isu yang penting seperti Penubuhan Order Baru Ekonomi Antarabangsa, Tabung Bersama Barangan, Kemudahan Pasaran bagi barang-barang keluaran negara-negara membangun dan kerjasama dalam bidang Perindustrian.

Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri, di antara lain, telah menegaskan di Persidangan tersebut agar Komanwel menerima cadangan-cadangan berikut:

- (1) Penubuhan segera Tabung Bersama Barangan.
- (2) Meluaskan prinsip dan faedah-faedah "Iome Convention" kepada semua Anggota Komanwel.

- (3) Mengambil langkah yang berkesan agar kemudahan pampasan kewangan dari Tabung Kewangan Antarabangsa atau International Monetary Fund dilaksanakan dengan lebih liberal.
- (4) Menerima dengan segera garis-garis panduan bagi menyelesaikan masalah beban hutang.
- (5) Persetujuan mengenai keperluan untuk mengenali keluaran-keluaran industri yang akan diberi keutamaan di dalam negara-negara Komanwel yang sedang membangun untuk dieksport semula, kepada negara-negara yang telah maju.
- (6) Meninggikan lagi pengeluaran makanan dan pembangunan luar bandar.

Pendapat dan pandangan serta cadangan-cadangan Malaysia telah diterima baik oleh negara-negara Komanwel lain dan ini jelas tergambar di dalam "Communique" Persidangan tersebut.

Tambahan daripada faedah-faedah di atas, Malaysia telah juga terpilih bagi menganggotai "The technical working group of The Commonwealth Common Fund" yang telah ditubuhkan oleh Persidangan tersebut. Keanggotaan kita di dalam kumpulan ini akan terus memberi peluang kepada Malaysia untuk menentukan bahawa penubuhan Tabung Bersama Barangan adalah selaras dengan keperluan-keperluan negara kita.

Menyentuh bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat, ingin saya sebutkan di sini bahawa sebenarnya tidak ada hubungan di antara "Colombo Plan" dan Persidangan Ketua-ketua Kerajaan Negara Komanwel. Dan sejauh mana yang disedari tidak ada keputusan dibuat untuk menghentikan bantuan kepada Malaysia di bawah Rancangan Colombo. Setakat yang kita tahu, apa yang dipersoalkan itu adalah tidak ada asas.

Tuan Yang di-Pertua: Tempoh satu jam untuk soal jawab sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 17 hingga 23 adalah diberi di bawah ini).

JAWATANKUASA KAWALAN SEWA

17. Tuan Oh Siew Aun minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan bilakah lapuran Jawatankuasa

Kawalan Sewa akan diselesaikan dan bolehkah beliau memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kepentingan golongan penghuni yang miskin akan dikekalkan.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad): Saya telah difahamkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kawalan Sewa bahawa Lapuran Jawatankuasa itu akan dikemukakan kepada saya pada akhir tahun ini. Jawatankuasa Kawalan Sewa itu adalah diberi tugas yang luas untuk memperakukan langkah-langkah yang patut diambil oleh Kerajaan bukan sahaja untuk menjaga kepentingan golongan penghuni yang miskin bahkan juga golongan tuanpunya-tuanpunya harta serta akibat-akibat sosial dan ekonomi negara keseluruhannya.

KEKOTORAN DI PASAR-PASAR

18. Datuk Haji Abu Bakar Titingan minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan samada beliau sedar keadaan di dalam dan di luar pasar-pasar di negara ini terlalu kotor. Apakah tindakan beliau akan ambil untuk memperbaiki keadaan ini.

Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad: Saya sedar bahawa keadaan di dalam dan di luar pasar-pasar di kebanyakan bandar-bandar dalam negara kita tidaklah memuaskan. Ini adalah disebabkan oleh kedudukan kewangan yang dhaif penguasa-penguasa tempatan yang berkenaan pada masa ini. Untuk memperbaiki keadaan ini, Kementerian saya telah memberi nasihat kepada penguasa-penguasa tempatan supaya mereka itu memohon bantuan kewangan daripada Kerajaan Negeri ataupun menaikkan kadar tak-siran harta benda dalam kawasan masing-masing untuk mendapatkan lebih hasil ataupun jika sekiranya perlu mereka itu bolehlah memohon pinjaman wang daripada Kerajaan Pusat untuk membina satu pasar baru yang besar. Kementerian saya ada juga memberi bantuan kepada beberapa buah penguasa tempatan tetapi peruntukan bagi kerja-kerja kecil di bawah Kementerian saya amatlah kecil—hanya \$200,000 setahun bagi Rancangan Malaysia Ketiga.

Sementara itu Kabinet telah melantik satu Jawatankuasa Khas bagi mengkaji soal pembahagian hasil negara yang saksama kepada penguasa-penguasa tempatan dan saya

difahamkan bahawa Lapuran Jawatankuasa itu akan dikemukakan kepada saya dalam dua atau tiga minggu ini, dan selepas itu Lapuran itu akan saya kemukakan kepada Kabinet untuk dipertimbangkan. Saya percaya Kabinet akan menimbangkan pemberian wang yang lebih bermakna kepada penguasa-penguasa tempatan dan dengan bantuan Kerajaan Pusat itu kelak maka penguasa-penguasa tempatan bolehlah memberikan perkhidmatan-perkhidmatan yang lebih sempurna kepada penduduk-penduduk di kawasan masing-masing.

DADAH BAGI MURID-MURID SEKOLAH

19. Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah terdapat kes-kes di mana penuntut-penuntut Sekolah Kerajaan ditangkap oleh Polis kerana menyalahguna dadah dalam tahun 1976 dan sehingga sekarang; jika ya, nyatakan bilangan penuntut, Negeri-negeri dan tindakan yang telah diambil terhadap mereka.

Tuan Haji Salleh Jafaruddin: Daripada maklumbalas yang diterima daripada Pusat Biro Narkotik, jumlah murid-murid (Tidak diketahui samada murid-murid Sekolah Kerajaan atau Swasta) yang ditangkap oleh kerana menyalahgunakan dadah dalam tahun 1976 sehingga sekarang adalah seperti berikut:

Dari bulan Januari hingga Disember, 1976, 55 orang murid telah ditangkap. Perangkaan untuk negeri seperti di bawah:

Pulau Pinang	6
Perak	3
Wilayah Persekutuan	15
Selangor	6
Johor	18
Kelantan	2
Trengganu	4
Pahang	1
				—
				55
				—

Dari bulan Januari hingga Mei, 1977 adalah:

Pulau Pinang	3
Wilayah Persekutuan	6
Selangor	10
Johor	8
Kelantan	4
	—
	31
	—

Tindakan yang diambil oleh pihak Polis adalah berbagai-bagai dan mengikut keadaan, antaranya adalah seperti diikat dengan perjanjian untuk berkelakuan baik, Polis menggunakan dan menjalankan tindakan untuk dibawa ke mahkamah dan menasihati murid berkenaan.

PROJEK PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

20. Tuan T. S. Gabriel minta Perdana Menteri menyatakan apakah keutamaan-keutamaan yang beliau telah berikan dalam hal memajukan kawasan-kawasan luar bandar negara ini semenjak beliau menjadi Perdana Menteri dalam bulan Januari, 1976, memandangkan bahawa keadaan dan taraf kehidupan rakyat luar bandar masih tidak memuaskan walaupun kita telah mencapai kemerdekaan lebih kurang 20 tahun yang lalu dan Kerajaan pula telah mengadakan berbagai-bagai projek-projek pembangunan ini di kawasan-kawasan luar bandar; dan memandangkan kepada keadaan ini, rakyat luar bandar merasa bahawa mereka seolah-olah rakyat kelas dua negara ini.

Datuk Haji Othman bin Abdullah: Saya rasa Kerajaan telahpun menentukan keutamaan-keutamaan dengan mengadakan peruntukan wang untuk projek-projek pembangunan di luar bandar yang jauh lebih banyak daripada masa-masa yang lampau. Ini ternyata dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Hasil dari rancangan-rancangan pembangunan luar bandar, kehidupan di kawasan-kawasan tidak begitu jauh berbeza dengan kehidupan dalam bandar seperti terdapat sebelum merdeka. Kemudahan-kemudahan pelajaran, kesihatan dan perhubungan adalah lebih baik dan di samping itu perolehan juga bertambah.

Tetapi keadaan dan taraf hidup penduduk luar bandar tidak mungkin memuaskan kerana tidak sesiapa yang pernah puas dengan apa juga keadaan mereka. Penduduk dalam bandar juga tidak puas dengan keadaan mereka.

Memandang kepada kemajuan yang telah dicapai, penduduk di luar bandar tidak boleh dianggap sebagai rakyat kelas dua. Sebenarnya, tidak ada kelas di antara rakyat walau di mana pun mereka tinggal. Kerajaan berusaha untuk semua rakyat dan jika Kerajaan menolong penduduk luar bandar lebih, ini bukan kerana kelas dua tetapi keupayaan mereka menolong diri sendiri adalah terhad.

PENGANGGURAN BEKAS PERAJURIT

21. Puan Hajjah Fatimah binti Abdul Salim minta Menteri Pertahanan menyatakan samada beliau sedar bahawa bekas-bekas perajurit masih ramai yang menganggur. Jika ya, apakah tindakan beliau akan ambil supaya moral perajurit tidak terjejas dan jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Saya memang sedar bahawa ada bekas-bekas perajurit yang masih menganggur.

Untuk mengatasi masalah ini, Kementerian Pertahanan memang sudah mempunyai sebuah Bahagian Khas iaitu Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit yang dipertanggungjawabkan dengan tugas menolong bekas-bekas perajurit memulakan penghidupan baru sebagai seorang awam selepas menamatkan perkhidmatan dengan tentera. Berbagai-bagai langkah telah dijalankan oleh Bahagian tersebut untuk mengatasi masalah ini dan antara langkah-langkah yang terpenting ialah:

- (1) *Rancangan Latihan Peralihan:* Anggota-anggota tentera yang hampir akan menamatkan perkhidmatan adalah diberi peluang mengikuti latihan peralihan di dalam bidang yang dipilih oleh mereka sendiri. Rancangan Latihan Peralihan ini bertujuan untuk memberi kepada anggota yang berkenaan satu kemahiran yang boleh menolong mereka mendapat pekerjaan atau memulakan perusahaan sendiri.

- (2) *Perkhidmatan Mencarikan Pekerjaan:* Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit KEMENTAH juga memainkan peranan sebagai agency mencarikan pekerjaan yang sesuai bagi Anggota-anggota Tentera yang masih menganggur. Untuk menjalankan tugas ini dengan lebih berkesan pejabat-pejabat cawangan telah dibuka di Johor Baharu, Kuantan, Ipoh dan Butterworth.
- (3) *Pembukaan peluang-peluang pekerjaan yang lebih luas bagi bekas-bekas perajurit:* Usaha ini adalah dijalankan dengan kerjasama Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain dan swasta. Dewasa ini, Bahagian tersebut telah berjaya mendapatkan quota-quota tertentu di dalam beberapa jawatan Kerajaan di-khaskan untuk bekas-bekas perajurit, berjaya mendapatkan quota-quota tertentu di rancangan-rancangan tanah untuk diisi dengan bekas-bekas perajurit, di samping melancarkan rancangan-rancangan tanah khas untuk bekas-bekas perajurit dan telah mendapatkan keutamaan bagi bekas-bekas perajurit dalam pemberian lesen teksi dan gerai perniagaan.

Selain dari langkah-langkah yang dijalankan melalui Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit seperti yang disebutkan tadi, Kerajaan juga menggalakkan Anggota-anggota Tentera untuk mengambil peperiksaan-peperiksaan Lembaga Latihan Perusahaan dan Persijilan Ketukangan Kebangsaan (Sijil L.L.P.P.K.K.) dan juga sijil-sijil akademik semasa mereka masih di dalam perkhidmatan supaya mereka dapat melengkapkan diri dengan kelayakan yang diiktiraf oleh kedua-dua pihak Kerajaan dan swasta. Sebagai galakan yuran peperiksaan mereka yang berjaya adalah dibayar balik oleh Kerajaan kepada anggota-anggota yang berkenaan.

PENYALAHGUNAAN DADAH

22. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Undang-undang menyatakan bilangan orang yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah mengikut kumpulan yang berikut:

- (a) Kakitangan Kerajaan;
- (b) Anggota Tentera;

- (c) Anggota Polis; dan
- (d) penuntut-penuntut.

berapa ramai di antara mereka telah dibuang kerja.

Menteri Undang-undang (Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof): Berdasarkan kepada mereka yang datang untuk mendapat rawatan dan pemulihan di hospital-hospital dan pusat pemulihan ada terdapat seramai 285 orang penyalahguna dadah dari kalangan kakitangan Kerajaan bagi tempoh Oktober, 1975 hingga April, 1977. Jumlah itu terdiri dari:

- (a) kakitangan Kerajaan (tidak termasuk Polis dan Tentera) 243 orang
- (b) Anggota Tentera 7 orang
- (c) Anggota Polis 35 orang
- (d) penuntut-penuntut seramai 399 orang. (Jumlah ini ialah bagi tempoh Januari hingga Mac, 1977. Angka ini juga berdasarkan kepada mereka-mereka yang telah datang ke hospital dan pusat-pusat rawatan Kerajaan).

Sebilangan kecil sahaja dari jumlah di atas yang dibuang kerja. Ini ialah kerana kebanyakan dari mereka tampil dengan sukarela untuk mendapat rawatan dan pemulihan setelah mereka sedar akan kesilapan mereka. Dengan itu mereka-mereka ini diberi peluang. Hanya mereka yang tidak boleh dilentor sahaja dibuang kerja.

BUMIPUTRA DALAM PERNIAGAAN

23. Puan Hajjah Fatimah binti Abdul Salim minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa ramai peniaga-peniaga telah menyahut seruan Kerajaan untuk berniaga tetapi kebanyakan daripada mereka keciwa atau terus gagal. Apakah tindakan yang beliau akan ambil untuk menggalak dan mengekalkan 30 peratus penyertaan Bumiputra di dalam perniagaan.

Perdana Menteri: Saya sedar bahawa semenjak Dasar Ekonomi Baru diisytiharkan, sambutan Bumiputra menyertai bidang perniagaan adalah menggalakkan. Oleh itu, soal penyertaan tidak lagi merupakan masaalah utama. Masaalah utama sekarang ini ialah walaupun perniagaan memang mempunyai

risiko dan kejayaan tidak terjamin, tetapi peratusan yang gagal didapati adalah lebih daripada yang sepatutnya.

Sebab kegagalan berlaku adalah banyak dan termasuk soal modal, tempat, jenis perniagaan dan persaingan. Di samping itu mungkin kurang kecekapan dan kepintaran berniaga menjadi satu sebab yang besar.

Kerajaan akan mengkaji semua sebab-sebab kegagalan berlaku dan jika sebab-sebab ini bergantung kepada tindakan Kerajaan, Kerajaan akan mengambil tindakan. Tetapi adalah diharap jika kegagalan disebabkan oleh kurang kecekapan atau kepintaran berniaga, pihak peniaga Bumiputra akan sanggup ditegur dan bersedia untuk mempelajari cara-cara berniaga dari mereka yang cekap dan berpengetahuan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG TRIBUNAL PERKHIDMATAN AWAM

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.38 ptg.

Timbalan Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam, 1977 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta ini adalah sebagai menunaikan janji yang dibuat di dalam Lapuran Gaji Kabinet yang telah diluluskan oleh Dewan yang berbahagia ini pada bulan Januari 1977.

Tuan Yang di-Pertua, Lapuran Gaji Kabinet telah terang-terang mengaku bahawa susunan gaji yang terkandung di dalamnya tidak dapat sunyi dari berbagai kesilapan dan keganjilan. Pengakuan ini dibuat kerana kesilapan dan keganjilan jelas tidak dapat dielak dalam apa juga lapuran gaji. Juga walaupun kesilapan tidak berlaku, pihak yang terlibat tetap akan menyoal asas dan quantum yang diberi dan menganggap perkara yang ditimbulkan oleh mereka sebagai ketidakadilan yang bercorak anomali.

Hakikat ini jelas dari tuntutan yang telah dan masih dibuat terhadap tanggagaji Suffian, Aziz dan Harun. Tuntutan pula

bukan dibuat sekali gus sahaja, tetapi berturut-turut. Kalau pun selesai satu senarai tuntutan, Kesatuan Sekerja yang terlibat terus meneliti semula tanggungajinya dan mereka tidak pernah tidak jumpa lain-lain "keganjilan" pula. Dengan itu satu memorandum baru disediakan dan pihak Kerajaan dituntut supaya membetulkan pula anomali-anomali yang kononnya baru dijumpa ini.

Sementara itu, apa yang dikatakan sebagai anomali yang sudah pun dibincang dan diselesaikan, dibangkitkan semula dan dijadikan asas sengkita antara Kesatuan dengan Kerajaan. Dengan perkataan lain, tuntutan yang berasas anomali ini tidak pernah putus, dan sudah menjadi perkara yang berkekalan.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan menunjuk dengan sejelas-jelasnya bahawa tuntutan pihak Kesatuan tidak lojik dan tidak berasas. Tetapi walaupun wakil Kesatuan yang hadir untuk berunding mengaku bahawa apa yang diperkatakan oleh Kerajaan adalah benar dan secara rasmi menerima penolakan tuntutan oleh Kerajaan, penyelesaian tidak juga dicapai. Perkara yang sama akan dibangkitkan semula dalam memorandum yang lain yang dibuat kemudian daripada penyelesaian yang dicapai.

Tuntutan, demi tuntutan, demi tuntutan dibuat dan ini sudah menjadi amalan biasa. Yang lebih buruk lagi ialah apabila satu tuntutan dilayan, maka kumpulan pekerja dan kesatuan yang lain pula, yang dahulunya puas hati, menjadi tidak puas hati. Kata mereka kalau orang itu dapat maka kenapakah kami tidak dapat. Kalau orang itu dahulu gajinya jauh lebih rendah dari kami, kenapa sekarang tidak begitu jauh perbezaan, ataupun sama ataupun lebih. Bahawa sebenarnya ada asas yang tepat kenapa Kerajaan melayankan tuntutan tadi tidak diterima. Berulang-ulang perkataan "anomali" disuarakan sehingga anomali bolehlah ditafsir sebagai apa juga yang tidak kena dengan kehendak hati pekerja. Oleh kerana kita tidak mungkin memenuhi kehendak hati manusia, maka sudah tentu kegelisahan kerana gaji akan berkekalan melainkan satu cara menentukan kata putus sudah dicapai dapat diadakan.

Ada pendapat yang disuarakan bahawa jika Lapuran Ibrahim Ali diterima maka soal anomali dan lain-lain tuntutan tidak

akan timbul. Ini adalah khayalan. Sebenarnya di waktu Lapuran Ibrahim Ali sedang dikaji oleh Kerajaan, pihak pekerja, terutama CUEPACS telahpun menarik perhatian kepada keganjilan yang terdapat dalam Lapuran itu. Jika, apa yang disuarakan oleh Kesatuan Sekerja berkenaan dengan Lapuran Ibrahim Ali dipercayai maka tanggagaji Ibrahim Ali ini adalah penuh dengan keganjilan dan ketidakadilan yang perlu dibetulkan melalui rundingan dalam National Joint Council.

Tuntutan yang dibuat oleh CUEPACS terhadap Lapuran Ibrahim Ali, mengikut satu memorandum yang ditandatangani oleh Setiausaha CUEPACS dan dikelilingkan kepada semua kesatuan akan menjadikan semua tanggagaji lain, termasuk tanggagaji yang telah diterima oleh Polis, sebagai ganjil.

Oleh kerana nampaknya beberapa orang pemimpin CUEPACS tidak upaya membuat perhitungan dan sentiasa mengelirukan ahli-ahli mereka dengan angka-angka yang tidak berasas, perlu saya ulangkan sekali lagi asas pertimbangan Kerajaan. Kerajaan terpaksa menentukan tanggagaji mengikut kadar yang dianya mampu membayar. Gaji bukan seperti kontrek buat jalan atau rumah. Memang benar Kerajaan tidak boleh expect harga kontrek dikurangkan semata-mata kerana Kerajaan tidak ada duit. Tetapi kontrek buat apa-apa pembangunan, kalau terlalu tinggi dan Kerajaan tak mampu, Kerajaan tak buat, atau Kerajaan tangguhkan, ataupun dibuat bersansur-ansur. Tetapi gaji adalah berlainan dari kontrek. Gaji setelah ditetap mesti dibayar. Perbandingan antara gaji dengan kontrek membuat sesuatu tidaklah tepat dan bermakna.

Pada awal-awal lagi Kerajaan telah menjelaskan iaitu Kerajaan cuma mampu menambah perbelanjaan sebanyak lebih kurang \$300 juta pada satu tahun sahaja. Perhitungan untuk sekim Ibrahim Ali akan menelan sebanyak \$600 juta tiap-tiap tahun, jika diterima tanpa perubahan. Jika tuntutan CUEPACS diambilkira, jumlah satu tahun ialah lebih daripada \$1,000 juta pada satu tahun. Jika tunggakan diberi dari 1-1-76 hingga 30-6-77 seperti dibuat sekarang dengan Tanggagaji Kabinet, jumlahnya ialah lebih kurang \$2,500 juta yang mesti dibayar tahun 1977 ini.

Sebaliknya Lapuran Gaji Kabinet memerlukan perbelanjaan tambahan lebih sedikit daripada \$300 juta pada tiap-tiap satu tahun. Oleh kerana tunggakan diberi dari 1-1-76 hingga 30-6-77 dan elaun bantuan khas serta bonos tidak ditolak dalam perkiraan ini maka jumlah wang yang diperlukan untuk tahun 1977 ialah \$640 juta—ini untuk 1977 sahaja—berbanding dengan lebih kurang \$1,400 juta jika tanggagaji Ibrahim Ali dilaksanakan dengan cara yang sama, atau \$2,500 juta jika ditambah tuntutan terhadap tanggagaji Ibrahim Ali yang telah dibuat oleh CUEPACS.

Saya harap pemimpin-pemimpin CUEPACS tidak lagi cuba kelirukan ahli mereka dan tidak pula mengguna angka-angka yang saya sebutkan ini untuk mengapi-apikan perasaan kakitangan Kerajaan dengan bezanya antara apa yang mereka tuntutan dengan apa yang mereka akan dapat mengikut tanggagaji Kabinet. Memang mudah meminta banyak manapun tetapi di waktu negara cemas cadangan memotong \$1 pada satu bulan pun ditolak mentah-mentah oleh pemimpin ini. Kalau orang lain naik gaji, kita juga mesti naik, tetapi kalau orang lain potong gaji itu masalaah mereka. Demikian nampaknya cogankata sebahagian dari pemimpin kesatuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan satu badan yang berkuasa menyelesaikan tuntutan anomali menjadi lebih penting kerana tindakan yang sering diambil oleh Kesatuan Sekerja. Untuk mencapai kejayaan, pemimpin kesatuan sekerja merancang dan menjalankan berbagai kegiatan yang mengeruhkan suasana kerja dalam jabatan. Mereka mengadakan kempen surat khabar dengan mengeluarkan kenyataan yang tidak betul dan tidak berasaskan dengan tujuan memburukkan Kerajaan dan menarik perhatian kepada perjuangan mereka. Mereka mengadakan piket, kerja lambat-lambat, cuti sakit beramai-ramai dan lain-lain.

Semua ini menjejaskan kerja pentadbiran dan pembangunan negara. Kakitangan Kerajaan tidak dapat menumpukan perhatian kepada kerja mereka kerana sentiasa ternoda dan tergodanya dengan soal gaji dan perasaan tidak puas hati. Rakyat menderita kerana pentadbiran terganggu. Negara mengalami kerugian kerana suasana perhubungan Kerajaan dan kakitangannya keruh sepanjang masa.

Masalah menjadi lebih rumit kepada Kerajaan kerana Kerajaan bukan majikan biasa. Asas penyelesaian melalui tindakan perusahaan ialah kedua-dua pihak, pekerja dan majikan, dapat memaksa penerimaan pendapat masing-masing melalui ugutan. Umpamanya, pekerja boleh mengancam majikan dengan kerugian melalui mogok. Tetapi pekerja juga sedar bahawa majikan boleh tindakbalas dengan lock-out dan menutup perusahaan mereka secara langsung.

Dalam pertikaian antara kakitangan Kerajaan dengan Kerajaan, sementara pekerja boleh mogok, Kerajaan tidak boleh mengadakan lock-out ataupun tutup Kerajaan. Dengan perkataan lain, tindakan perusahaan berguna dan berkesan dari sudut pekerja tetapi Kerajaan tidak dapat mengguna tindakan perusahaan untuk menjaga kepentingannya sebagai majikan.

Sebab itu kita dapati sementara dalam bidang swasta ramai pekerja telah kehilangan kerja kerana majikan menamatkan perniagaan mereka, ini tidak pernah berlaku dalam Kerajaan. Tidak satu pun kumpulan pekerja yang kehilangan kerja kerana lock-out atau close-up Kerajaan. Dengan perkataan lain sekali seorang pekerja mendapat kerja dengan Kerajaan, pendapatannya terjamin sehingga sampai masa persaraan. Dan biasanya peruntukan ganjaran, atau ganjaran dengan pencen dan lain-lain lagi dijamin. Pemberhentian kerana melanggar tata tertib jarang sekali berlaku dan jika berlaku sekalipun pertimbangan yang teliti dan memakan masa yang panjang dibuat, bukan oleh Ketua-ketua bahagian yang terlibat, tetapi oleh sebuah badan yang bebas. Tindakan tata tertib yang berkesan sebenarnya tidak berlaku kerana proses terpaksa mengambil masa yang terlalu panjang dan kompleks. Ini bermakna bahawa walaupun pegawai Kerajaan melaku kesalahan ianya terpelihara dari pembuangan kerja. Dalam sektor swasta tindakan serta-merta mungkin berlaku kepada kakitangan yang cuai.

Semua ini membuktikan bahawa Kerajaan bukan majikan biasa dan undang-undang perhubungan perusahaan tidak melindungi Kerajaan atau memberi pertimbangan yang wajar kepada Kerajaan majikan.

Seperkara lagi yang perlu disebutkan ialah Kerajaan bertanggungjawab bukan sahaja kepada kakitangannya tetapi kepada semua penduduk negara ini. Oleh itu Kerajaan tidak boleh mendahulukan kepentingan kakitangan tanpa mengambilkira kepentingan orang ramai dan rakyat keseluruhannya. Tanggungjawab Kerajaan menjadi lebih berat kerana biasanya kelemahan pentadbiran akan memberi kesan buruk dan menindas golongan yang miskin lebih daripada golongan yang kaya. Yang kaya boleh menyelamatkan diri jika apa-apa **Perkhidmatan Kerajaan** terganggu—tetapi yang miskin tidak mampu membuat apa-apa.

Memandang kepada hakikat-hakikat inilah maka Kerajaan terpaksa mencari jalan untuk mengurangkan sebarang tindakan perusahaan kakitangan Kerajaan berkenaan dengan pelaksanaan tanggagaji baru. Untuk menentukan cara mengatasi masalah ini adalah berkesan, Kerajaan sanggup mengepikan amalan-amalan biasanya. Satu dari amalan biasa yang diketepikan ialah kebebasan Kerajaan memutuskan sesuatu yang melibatkan dirinya.

Dalam Rang Undang-undang ini, Seksyen 15 (1) menjelaskan iaitu keputusan Tribunal adalah keputusan muktamad yang mengikat bukan sahaja pihak pekerja dan kesatuan tetapi juga Kerajaan. Penerimaan kuasa Tribunal oleh Kerajaan adalah satu perkara luar biasa dan adalah bukti bahawa Kerajaan jujur dan bertanggungjawab dalam usahanya untuk mengelak tindakan perusahaan yang merugikan dan mencari penyelesaian.

Oleh sebab kesan penerimaan ini amatlah berat bagi Kerajaan maka adalah penting kuasa undang-undang ini ditafsir dengan sejelas-jelasnya dan tidak semata-mata tertakluk kepada budibicara orang yang menadbirkan undang-undang ini sahaja.

Yang pertamanya, tafsiran anomali terpaksa dijelaskan. Biasanya pemimpin Kesatuan Sekerja mentafsirkan semua yang tidak secukup dengan kehendak mereka sebagai "anomali". Juga biasa terjadi pembetulan apa yang dipanggil sebagai anomali menyebabkan banyak yang tidak ganjil menjadi ganjil. Kesan pembetulan gaji Guru Besar sekolah rendah terhadap tanggagaji Aziz dan kesan pembetulan gaji Jururawat kepada tanggagaji Suffian mencerminkan

kemungkinan keganjilan yang wujud kerana pembetulan anomali. Oleh itu Seksyen 2 mentafsirkan anomali dan apa yang tidak boleh dianggap sebagai anomali.

Yang keduanya, Seksyen 14 (2) menentukan bahawa keputusan Tribunal hendaklah berasas kepada kepentingan negara, implikasi kewangan dan kesan terhadap ekonomi negara. Peruntukan ini menjadi penting kerana pendapat Kesatuan Sekerja ialah gaji tidak ada kaitan dengan kemampuan membayar, sama kononnya seperti harga sesuatu kontrek tidak boleh dikaitkan dengan kemampuan membayar. Pendapat ini seperti diterangkan tadi tidaklah dapat diterima oleh Kerajaan. Jika Kerajaan tidak mampu dengan hasil mahsul yang ada untuk membayar gaji yang dinaikkan, Kerajaan terpaksa menaikkan cukai—yang mana akan membebaskan orang ramai dan membawa akibat yang buruk kepada ekonomi negara. Sebab itu Tribunal adalah dikehendaki menimbang kepentingan negara, implikasi kewangan dan kesan terhadap ekonomi negara di waktu memutuskan apa-apa anomali yang dirujuk kepadanya.

Seksyen 13 menerangkan perkara-perkara pengurusan yang tidak boleh dipertikaikan dalam Tribunal. Perkara ini bukanlah satu peruntukan baru. Memang perkara yang terkandung dalam Seksyen 13 ini merupakan hak pengurusan atau management, tetapi buat masa-masa yang lampau ini pemimpin kesatuan telah cuba menyentuh perkara-perkara ini sebagai hak. Jika pegawai diadakan dan dinaikkan pangkat kerana dituntut oleh pemimpin kesatuan maka pegawai ini akan terhutang budi kepada pemimpin-pemimpin ini. Kesannya tentu tidak begitu baik bagi pentadbiran negara. Adalah diperhatikan bahawa ramai jawatan diadakan bukan kerana jawatan itu perlu untuk urusan Kerajaan tetapi kerana tekanan daripada kesatuan. Hakikat yang perlu diingat ialah kita tidak dapat tambah jawatan kerana ada orang yang layak, tetapi tambahan mestilah mengikut keperluan pyramidal structure of authority. Sebab itu walaupun beratus layak menjadi Ketua Setiausaha atau Ketua Setiausaha Negara kita tidak dapat mengadakan beratus Ketua Setiausaha dan Ketua Setiausaha Negara. Dalam bidang politik juga hakikat yang sama tidak dapat dielak iaitu walaupun beratus boleh jadi Perdana Menteri tidak

semua akan dilantik menjadi Perdana Menteri termasuk Timbalan Perdana Menteri juga (*Ketawa*).

Peruntukan dalam Seksyen 18 berkenaan dengan tindakan perusahaan di waktu perkara anomali dirujuk kepada Tribunal adalah wajar kerana Tribunal tidak boleh menimbang sesuatu dengan tenang dan saksama jika bermacam kekacauan dan huru-hara berlaku. Jika Tribunal ini dikehendaki berjalan dengan selamat dan bebas, dianya perlu dilindungi dari apa juga jenis tekanan dan ugutan. Oleh itu sebarang jenis tindakan perusahaan dilarang di masa-masa tertentu.

Perlantikan Pengerusi dan ahli Tribunal oleh Yang di-Pertuan Agong seperti diperuntukkan dalam Seksyen 3 dan syarat masa dan pemberhentian mereka adalah untuk menentukan kebebasan Tribunal ini. Memang benar mengikut amalan demokrasi Yang di-Pertuan Agong dinasihat oleh Kerajaan yang memerintah tetapi nasihat ini tidak pernah diringankan oleh Kerajaan.

Negara kita memberi nilai yang tinggi kepada undang-undang dan Kerajaan pula amat sensitive terhadap credibility dan imejnya bukan sahaja di dalam tetapi juga di luar negeri. Oleh itu, tidak ada kemungkinan perlantikan Pengerusi dan ahli Tribunal dibuat atas kepentingan Kerajaan. Cuma kepentingan negara sahaja yang akan dititikberatkan.

Untuk menentukan penyelewengan tidak berlaku apabila dakwaan perlu dibuat di bawah Akta ini, Seksyen 22 menentukan kuasa dan peranan Pendakwa Raya. Peruntukan ini menjamin hak sesiapa yang terlibat daripada tindakan yang sewenang-wenang oleh mana-mana pegawai atau Kerajaan.

Saya tidak perlu terangkan semua peruntukan yang ada dalam Akta ini kerana saya percaya semua Ahli-ahli Yang Berhormat tentu faham kandungan dan maksudnya.

Walau bagaimanapun, saya perlu tegaskan "the spirit and the intent of this law", supaya semua pihak tidak salah faham dan menaruh harapan bahawa mereka sudahpun jumpa loophole untuk melepaskan mereka dari tujuan undang-undang ini.

Undang-undang bentukan manusia tidak mungkin perfect untuk semua situasi. Tetapi hasrat dan tujuan undang-undang ini jelas dan nyata. Undang-undang ini ialah untuk membolehkan negara ditadbir dengan licin tanpa gangguan dari tindakan perusahaan yang tidak bertanggungjawab. Sementara itu hak kakitangan Kerajaan memelihara nasib mereka dalam konteks demokrasi juga dijamin.

Oleh itu, jika terdapat kelemahan atau loopholes atau apa juga cara untuk menjadikan undang-undang ini ineffective atau hasrat dan tujuan tadi tidak dicapai, Kerajaan akan mengambil tindakan samada dengan pembentukan semula undang-undang ini atau penggunaan lain-lain undang-undang supaya hasrat dan tujuan Kerajaan dicapai. Yang penting bukan undang-undang sebagai undang-undang tetapi hasrat dan tujuan yang menyebabkan undang-undang digubalkan.

Saya berharap semua pihak faham hakikat ini dan menerima undang-undang ini "fully aware of the spirit and the intention of this piece of legislation". Tidak akan ada manfaat dari sebarang usaha mengelak dari peruntukan undang-undang Akta Tribunal Perkhidmatan Awam, 1977 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. (*Tepuk*)

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

4.05 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong dengan sepenuh-penuhnya Rang Undang-undang ini. Rang Undang-undang ini patut telah dibuat lama. Saya berkata demikian, oleh kerana disebabkan setengah daripada pemimpin-pemimpin pekerja tidak sedar iaitu tuntutan-tuntutan mereka ini tidaklah mereka beri fikiran yang sebenarnya yang tuntutan-tuntutan mereka ini akan menyusahkan Kerajaan dan rakyat.

Dengan sebab itu, setengah-setengah daripada pemimpin-pemimpin pekerja-pekerja ini di dalam mesyuarat-mesyuarat dengan Menteri-menteri menunjukkan muka setengah daripada Menteri-menteri itu kerana setengah daripada mereka berasa bangga, iaitu apa yang dituntut oleh mereka ini mesti dijalankan oleh Kerajaan. Oleh kerana mereka ini ramai, mereka boleh menggertak

Kerajaan dan apabila menggertak Kerajaan untuk mogok atau work-to-rule, kalau betul-betul mereka buat demikian, tentulah Kerajaan akan lemah dan akhirnya Kerajaan terpaksa menunaikan apa yang mereka tuntutan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita hendak bukannya untuk menekan pekerja-pekerja oleh kerana kita berkehendakan tiap-tiap warganegara, tiap-tiap orang apabila dia bekerja di tanahair kita ini, mereka ini akan mendapat gaji yang tertentu. Misalnya, apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi. Di satu kilang, jikalau pekerja-pekerja didalam satu kilang itu menuntut gaji yang boleh dibayar oleh kilang itu maka tuntutan itu bolehlah dibayar. Tetapi jikalau sekiranya tuntutan itu dibuat melampau-lampau dan tidak ada memberikan keuntungan, melainkan tiap-tiap tahun menanggung kerugian, maka terpaksa kilang itu ditutup. Dan bila kilang itu ditutup, maka pekerja-pekerja itu akan menganggur. Dengan sebab itulah fikiran mereka ini juga jikalau dituntut dengan Kerajaan oleh kerana Kerajaan kayaraya dengan bijih timah, dengan getahnya dengan kelapa sawitnya, dengan balak dan minyaknya maka dengan sebab itu Kerajaan mampu membayar, tetapi mereka ini tidak memikirkannya. Apa yang difikirkan, Kerajaan bukan sahaja hendak membayar gaji pekerja-pekerja tetapi Kerajaan juga patut memikirkan hendak mendirikan sekolah-sekolah yang begitu banyak supaya anak-anak kita pada tahun yang akan datang mendapat pelajaran yang tertentu yang boleh meninggikan taraf hidup dalam negeri kita ini. Kerajaan juga akan melaksanakan berbagai-bagai rancangan pembangunan seperti hospital-hospital, klinik-klinik dan juga rancangan-rancangan luar bandar untuk meninggikan taraf hidup warganegara kita yang ada di luar bandar. Begitu juga untuk mendirikan perumahan-perumahan bagi orang-orang yang miskin di dalam bandar-bandar, itu juga menggunakan wang yang banyak sekali. Mereka ini terlupa. Mereka adalah pemimpin-pemimpin yang tidak bertanggungjawab memikirkan bagaimana membuat tuntutan seberapa yang boleh. Itu boleh dikatakan anomali yang dicari supaya Kerajaan terpaksa membayar. Jadi, pekerjaan seperti ini tidaklah patut dibuat oleh pihak pemimpin-pemimpin pekerja yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, lebih maklum iaitu kita tahu di dalam negeri yang berdemokrasi seperti negeri kita ini memang berkehendakkan trade union supaya mereka ada senjata untuk melawan jika mereka ini misalnya majikan-majikan menghimpit mereka. Ini memang saya yakin dan percaya dan saya sokong sepenuh-penuhnya atas trade union yang begini yang pemimpin-pemimpinnya bertanggungjawab. Bukan pemimpin-pemimpin, Tuan Yang di-Pertua, apabila kita berdebat di dalam Dewan ini, kita dikatakan semacam "anjing gila", kita difikirkan sebagai "mindless dog", sebagai anjing yang tidak mempunyai fikiran. Inilah pemimpin-pemimpin yang saya katakan tidak bertanggungjawab, kemudian melolong meminta maaf. Jadi, inilah setengah pemimpin-pemimpin pihak pekerja yang saya katakan tidak bertanggungjawab langsung. Dengan sebab itulah untuk menyelamatkan negara dan menyelamatkan pekerja-pekerja kita supaya mereka ini dapat diselamatkan, maka saya percaya Rang Undang-undang ini dibuat oleh Kerajaan.

Rang Undang-undang ini dibuat oleh Kerajaan Tuan Yang di-Pertua, dengan teliti. Dalam Fasal 3 (1) mengatakan:

- (a) seorang Pengerusi; dan
- (b) suatu penal orang-orang dan mereka itu hendaklah orang-orang yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam perkara-perkara pentadbiran.

Jadi, dilantik orang-orang yang bijak pandai di dalam ilmu pentadbiran. Orang-orang yang tertentu dan saya harap kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila memilih ahli-ahli penal ini janganlah diambil pegawai-pegawai Kerajaan, oleh kerana kita dapati Lapuran Gaji Ibrahim Ali itu berat di atas, gaji pegawai-pegawai tinggi sahaja yang lebih dinaikkan. Apa yang kita kehendaki ialah gaji-gaji pekerja yang sebelah bawah, sebab merekalah yang susah sekali. Orang-orang yang mendapat gaji tiga empat ribu sebulan—Division I yang mempunyai gaji empat lima ribu sebulan yang lebih daripada Menteri. Mereka ini sepatutnya tidak boleh diberi gaji yang lebih lagi. Ini pun dinaikkan juga. Inilah yang saya katakan tadi iaitu jangan sekali-kali dipilih orang-orang yang ada bekerja dalam Kerajaan, baik menjadi Pengerusi ataupun ahli penal. Ini saya minta kepada

pihak Kerajaan untuk menengok dan merenung di atas perkara ini. Kalau dibuat begitu, tentu sekali, ada penyelewengan. Tentu mereka ini memikirkan di atas perkara orang-orang dia sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap apabila diwujudkan penal ini, maka Kerajaan tidaklah dapat digertak atau diugut oleh pihak-pihak pemimpin-pemimpin trade unions yang tidak bertanggungjawab. Saya beri satu contoh di Lapanganterbang Antarabangsa Subang, kapalterbang jangkanya berjalan (take-off) pada pukul 9.00 bertolak ke luar negeri, terpaksa bertolak pada pukul 10.00. Orang ramai merungut, bukan sahaja orang ramai di dalam negeri ini tetapi dari luar negeri mereka merungut. Kenapa? Kalau enjin rosak tidak mengapa, tetapi ini satu ugutan. Mereka itu work-to-rule. Makanan tidak disediakan. Jadi, kapalterbang tidak berjalan oleh kerana makanan tidak dihantar ke kapalterbang. Ini satu ugutan dibuat oleh mereka ini. Mereka tidak memikirkan kalau buat begitu kapalterbang tidak akan mendapat keuntungan, maka dengan itulah syarikat penerbangan kita tidak mendapat keuntungan. Kalau beginilah gayanya terus-menerus dengan tidak ada Undang-undang ini, negeri kita akan menjadi negeri Italy: hari-hari mogok, hari-hari bank mogok; esok pagi, keretapi mogok; lusa Post Office mogok, tulat Kementerian Kesihatan mogok, lepas itu Labour Department mogok seterusnya bermacam-macam mogok berlaku. Akhirnya, apa akan jadi kepada Kerajaan kita? Kerajaan kita akan tumbang.

Tuan Yang di-Pertua, setengah daripada setengah pemimpin-pemimpin ini mesti disiasat oleh pihak Polis iaitu pemimpin-pemimpin trade unions yang tidak bertanggungjawab ini, barangkali ada pakatan dengan kominis.

Saya tidak menuduh tetapi Polis mesti menyiasat atas perkara ini, kerana kalau negeri ini huru-hara maka dengan senang sahaja kominis akan masuk. Kalau tidak ada puas hati (satisfaction), orang ramai akan mengatakan begitu-begini dan Kerajaan akan jahanam. Ini satu daripada jalan-jalan kominis untuk mengambil negeri ini sebagaimana yang telah berlaku, pada tahun 1942 mulanya mogok dijalankan di negeri kita, di estate-estate di tanahair kita ini, pemimpinnya masih ada lagi, saya tahu.

Pada hari ini begini juga, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menegaskan perkara ini kerana dahulu Timbalan Menteri Buruh yang sekarang ini ada dalam tahanan, barangkali Yang Berhormat Menteri Buruh ada di sini boleh memberi tahu, boleh jadi hasutan daripadanya, kita pun tidak tahu kerana dia ada di dalam, boleh menghasut perkara ini suruh jalankan. Ini mesti diasas oleh Kerajaan, sebab dia sudah mengaku sendiri yang dia adalah seorang kominis sebagaimana yang disiarkan di dalam TV yang saya dengar, dia sendiri minta maaf. Boleh jadi dia ada memainkan peranan dengan akhbar *Straits Times* dan sebagainya yang dijalankan oleh Samad Ismail.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menyiasat perkara ini, ada kaitannya dengan mogok yang terus-menerus terutama sekali yang berlaku pada tahun 1975 dan 1976. Jadi, patut sangat Rang Undang-undang ini dijalankan kerana kepentingan negara dan saya menyokong 100%.

4.20 ptg.

Datuk Dr Wee Khoon Hock: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana telah mengemukakan Akta Tribunal Perkhidmatan Awam, 1977 ini kepada Parlimen supaya segala pertikaian berkenaan dengan anomali-anomali dapat diselesaikan tanpa mogok atau tindakan perusahaan yang ditegah yang mungkin mengancam ekonomi dan keselamatan negara kita. Tidak ada apa-apa penyelesaian pertikaian berkenaan dengan gaji boleh memuaskan hati semua pihak dan sistem saraan dalam perkhidmatan awam amatlah rumit. Sebenarnya anomali di antara satu sekim perkhidmatan dengan yang lain selalu timbul dan tidak mudah dapat dielakkan.

Dua hari dahulu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad berkata di Kota Bharu, Kerajaan terpaksa memikirkan kepentingan pihak lain seperti petani, nelayan dan penduduk kampung yang bekerja sendiri dalam melayani tuntutan yang dikemukakan oleh kesatuan-kesatuan sekerja walaupun Kerajaan tidak dapat melayani semua tuntutan yang dibuat kerana keupayaan Kerajaan

adalah terhad. Kerajaan tidak menghalang kesatuan-kesatuan membuat tuntutan demi kepentingan ahli-ahlinya kerana Perlembagaan dan Perundangan negara menjamin hak kaum sekerja. Dengan alasan inilah Akta ini untuk menubuhkan Tribunal Perkhidmatan Awam telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita di Dewan yang mulia ini dan kami tidak merasa ragu-ragu lagi Akta ini bukan sahaja akan diterima baik oleh rakyat sekalian tetapi juga oleh semua kakitangan Kerajaan yang jujur dan bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, usul ini adalah satu usul yang memandang jauh dan tindakan ini sungguh perlu diambil. Berkenaan dengan lantikan Pengerusi dan Ahli Panel Tribunal ini, saya penuh percaya bahawa Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kerajaan akan memilih dan melantik dengan teliti dan tidak harus kita bimbangkan. Apa yang kami harap ialah Tribunal ini dapat memulakan tugasnya dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab di bawah Fasal 2, tafsiran ayat "perkhidmatan awam", "(a) mana-mana perkhidmatan awam yang disebutkan dalam Perkaras 132 Perlembagaan, lain daripada pasukan Polis dan angkatan tentera." Oleh sebab Tribunal ini tidak meliputi pihak Polis dan tentera sedangkan pasukan-pasukan Polis Di Raja Malaysia telah lama mendapat gaji baru serta tunggakan, saya ingin menarik perhatian Kerajaan tentang kelambatan keputusan Jawatankuasa Mengkaji Gaji Baru Angkatan Tentera dan saya menyeru Kerajaan supaya perkara ini dapat diselesaikan dan dilaksanakan secepat mungkin bagi faedah perajurit-perajurit negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang ini dengan mengucapkan tahniah kepada Kerajaan.

4.23 ptg.

Tuan V. V. Aboo: Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan Rang Undang-undang ini untuk menubuhkan sebuah Tribunal untuk menyelesaikan pertikaian di atas anomali-anomali yang timbul daripada pelaksanaan Lapuran Gaji Jawatankuasa Kabinet. Ini adalah satu langkah yang

sungguh bijak memandangkan kepada banyak perasaan kurang puas hati dengan cara implementasi laporan gaji itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum bahawa hampir semua kesatuan-kesatuan sekerja telah menyambut baik laporan gaji ini dan cara mengatasi masalah-masalah yang timbul daripada perakuan laporan-laporan gaji yang dahulu seperti Suffian, Aziz dan Harun. Memandangkan kepada ini Kerajaan haruslah mencari cara yang memuaskan untuk menyelesaikan anomali-anomali yang timbul daripada conversion dan lain-lain asas tanggaji yang disyorkan itu dilaksanakan. Cara menubuhkan sebuah Tribunal untuk ini adalah mendapat penerimaan yang baik di kalangan rakyat khasnya apabila keputusan Tribunal ini akan jadi muktamad dan mesti diterima oleh pihak pekerja dan juga pihak Kerajaan.

Dengan adanya Tribunal ini dan penerimaan tanggaji asas sudah jadi sepenuhnya untuk kesatuan-kesatuan sekerja menggunakan kekuatan mereka dengan cara-cara yang langsung atau tidak langsung seperti work-to-rule, go-slow atau picketing dan lain-lain.

Saya lihat bahawa semua pihak ada berhak untuk merujukkan pertikaian di atas anomali kepada Tribunal itu. Dengan adanya Tribunal ini adalah tidak wajar untuk memberi kesatuan-kesatuan mengambil tindakan perusahaan. Tindakan seperti itu hanya akan merosakkan imej negara kita dan menjejaskan usaha-usaha kita untuk menjalankan Rancangan Malaysia Ketiga. Saya harap Kerajaan akan mengambil tindakan untuk melantik Pengerusi Tribunal yang sungguh-sungguh berpengalaman dan neutral seperti seorang hakim. Dan juga Ahli-ahli Panel dari kalangan yang juga dihormati dan berkebolehan. Jika tidak, tujuan dan langkah Kerajaan yang murni untuk menubuhkan Tribunal ini akan terjejas.

Saya juga berharap bahawa pihak Kerajaan dan Tribunal akan dapat menyelesaikan segala perkara yang dirojokkan kepada mereka dengan secepat mungkin oleh kerana "justice delayed is justice denied".

Akhirnya, saya menyokong penuh Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam, 1977.

4.27 ptg.

Datuk Dr C. Sinnadurai: Tuan Yang di-Pertua, telah banyak ditulis dan diperkataan mengenai mahkamah awam sekarang ini dan saya rasa ragu-ragu hendak kemukakan pendapat saya sendiri. Bagaimanapun, saya ingin menyampaikan rasa sukacita saya kerana tertubuhnya mahkamah awam ini kerana saya juga adalah salah seorang dari mereka yang benar-benar menyokong penubuhan sebuah badan bagi menyimpan dan menyelesaikan berbagai anomali dalam perkhidmatan awam. Dengan itu sukacita saya menyokong Rang Undang-undang ini walaupun terdapat kekurangan yang mungkin timbul.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua bernasib baik kerana mempunyai pemimpin-pemimpin negara yang sangat tahan lasak, sabar dan bertimbang rasa. Saya yakin pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja juga terdiri dari orang-orang yang baik dan berhemah tinggi, berdedikasi dan mempunyai kesedaran terhadap masalah ini. Ya, memang benar mereka mempunyai tanggungjawab terhadap pekerja-pekerja tetapi di samping itu mereka juga mempunyai tanggungjawab terhadap negara. Saya rasa mereka akan menghargai dan menyokong akan Rang Undang-undang ini, dengan yang demikian dapatlah kita menghapuskan perasaan tidak puas hati di kalangan orang ramai. Mereka juga akan dapat menggunakannya sebagai dasar fikiran dan tingkah laku mereka masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dalam masa harga barangan yang semakin meningkat ini nilai setiap orang patut dihargai, begitu juga dengan cara hidup rakyat termasuklah kakitangan Kerajaan yang telah memberi perkhidmatan baik iaitu pesara-pesara yang telahpun mengemukakan memorandum mereka. Saya yakin Tribunal dan Jabatan Perkhidmatan Awam akan menimbang dengan teliti setiap permohonan-permohonan yang telah dikemukakan oleh berbagai-bagai badan.

Tuan Yang di-Pertua, mengulangi segala yang telah saya perkatakan di Dewan ini dahulu iaitu kepentingan negara patutlah diberi lebih keutamaan daripada kepentingan-kepentingan yang lain supaya setelah keputusan yang dibuat itu sesuai dengan keadaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai balasannya, masyarakat berharap setiap orang akan memberi sumbangan yang sejajar dengan apa yang telah diterima. Di sini saya tujukan kepada kakitangan Kerajaan dan pekerja-pekerja buruh kasar untuk mendapatkan sokongan orang ramai, mereka hendaklah berusaha membaiki mutu kerja dan perkhidmatan mereka dan menjadi satu sumber kekuatan negara. Anggota-anggota Dewan yang mulia ini akan menyokong saya apabila saya katakan setiap rakyat yang berfikir waras inginkan suatu masyarakat yang adil serta ekonomi yang stabil untuk kebajikan semua. Marilah kita sama-sama berdoa Rang Undang-undang yang akan diluluskan ini akan mewujudkan hubungan perindustrian yang harmoni serta suasana sosial yang sihat.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, nampaknya ada orang yang tidak setuju bahawa keputusan Tribunal ini diumumkan kepada orang ramai. Tetapi saya berpendapat suatu masyarakat yang mengetahui dengan secukupnya dalam perkara ini adalah menjadi pelindung dalam suatu masyarakat demokrasi. Dengan ini saya yakin semua Ahli-ahli Yang Berhormat akan setuju.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditempatkan selama 15 minit.

Persidangan ditempatkan pada pukul 4.33 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.52 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperkerusikan Mesyuarat*)

4.52 ptg.

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, dalam mengalu-alukan Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam ini, saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada pihak Kerajaan yang telah berjaya mengadakan undang-undang tersebut. Saya yakin dan percaya dengan adanya undang-undang ini satu perasaan kelegaan terdapat bukan sahaja di kalangan rakyat tetapi juga di kalangan pengusaha-pengusaha dan pelabur-pelabur di dalam negeri dan juga di luar negeri kerana setiap tindakan yang diambil oleh unions dengan tidak menimbangkan unsur-unsur

yang lain sudah tentu akan menimbulkan keraguan di pihak rakyat dan juga di pihak pelabur-pelabur modal tempatan dan juga pelabur-pelabur modal asing. Pada hemat saya dengan adanya undang-undang ini akan meletakkan Kerajaan di dalam satu keadaan yang lebih sempurna untuk mengendalikannya masalah-masalah negara khususnya mengenai pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga.

Sebelum daripada ini kebanyakan kita berpendapat dan merasa bimbang adakah Kerajaan yang sentiasa diugut atau perasaan yang sentiasa diumbang ambingkan dengan berbagai ancaman ini akan dapat menunaikan tanggungjawab yang sepenuh kepada rakyat dan negara. Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan umum konsep ataupun gerakan-gerakan trade unions pada masa yang lalu adalah telah meletakkan trade unions sendiri di dalam mana kebanyakan pembayar cukai atau rakyat umumnya bahawa trade unions ini adalah sebagai satu penghalang kepada kemajuan negara atau yang boleh dikatakan satu golongan yang membantut atau menghalang dan mengikut tafsiran trade unions sendiri kegunaan ataupun kehendak daripada trade unions ini ialah semata-mata untuk mendapat gaji yang lebih banyak dan kerja yang lebih kurang lagi, kerja yang lebih selesa.

Apa yang telah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi adalah diakui dengan sepenuhnya bahawa kadang kala terdapat di antara pemimpin-pemimpin trade unions ini tidak memberi nilai yang serupa di antara \$1 yang dibayar oleh Kerajaan dengan \$1 yang dibayar oleh mereka sendiri. Jadi, bolehlah dikatakan tafsiran kemasukan wang kepada trade unions dan pengeluaran wang daripada mereka tidak dinilai dengan seimbang.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin setengah-setengah orang berpendapat bahawa dengan adanya undang-undang yang dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini akan menjadikan trade unions di dalam satu zaman yang amat berlainan sekali daripada masa mula-mula pergerakan trade union ini ditubuhkan di Malaysia. Walaupun demikian, saya masih berpendapat iaitu pergerakan-pergerakan trade unions ini masih memberi faedah, masih sangat diperlukan di dalam negara yang demokratik seperti di Malaysia ini sekiranya Kerajaan dapat adakan satu peraturan

atau peruntukan-peruntukan bagi melatih ketua-ketua trade unions ini supaya mereka bukan sahaja mempunyai konsep ataupun mempunyai pendapat hanya bertindak untuk mendapat gaji yang lebih dan mendapat kerja yang lebih kurang dan mendapatkan cara pekerjaan yang lebih selesa. Tetapi hendaklah juga mereka mengetahui dan memahami hasrat dan kepentingan negara sepertimana juga kepentingan kepada diri mereka sendiri. Saya percaya pusat-pusat latihan seperti INTAN dan pusat-pusat latihan yang lain akan dapat melahirkan ketua-ketua unions yang bukan sahaja bertanggungjawab kepada unions tetapi bertanggungjawab kepada negara dan tanahair. Oleh itu, di dalam melaksanakan undang-undang ini, di samping itu, saya berharap bahawa pergerakan Kesatuan Sekerja ini akan terus dapat hidup dengan bentuk yang lain dengan bentuk yang mempunyai tanggungjawab di segala pihak, bukan sahaja bertanggungjawab kepada pekerja-pekerja dan meninggikan mutu pengeluaran pekerjaan mereka, tetapi juga bertanggungjawab kepada negara dan tanahair dan saya dengan ini menyokong penuh Bil ini supaya diluluskan.

5.00 ptg.

Datuk Haji Abu Bakar Titingan bin Dam-sani: Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan dan menyokong penuh Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri apa yang dinamakan Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya Rang Undang-undang ini akan menjadi sumbangan yang besar dalam konteks kestabilan solidarity sosial dan ekonomi yang akan menjamin terlaksananya Rancangan Malaysia Ketiga. Saya harap Rang Undang-undang ini bukan sahaja dapat di-amalkan di sini tetapi dapat dipanjangkan ke seluruh negeri-negeri dalam negara ini khasnya di Sabah walaupun di Sabah tidak ada apa-apa yang terjadi tetapi eloklah kalau hujan itu belum turun, payung kita sediakan.

Saya ulang sekali lagi bahawa saya sokong Rang Undang-undang ini.

5.01 ptg.

Datuk Seri Hussein bin Mohd. Noordin: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengalu-alukan Rang Undang-undang ini dan menyokong sepenuhnya.

Apabila saya mendengar keterangan yang diberi di Dewan ini oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berkenaan dengan tujuan Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam, 1977, saya telah baca dan teliti di dalam semua bab dalam Rang Undang-undang ini. Pendapat saya, tujuan pokok Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam, 1977 ini adalah untuk menyelesaikan secara muktamad di mana tuntutan-tuntutan anomali tangga-gaji dan syarat perkhidmatan dapat diselesaikan dengan segera. Maka kebimbangan dari pihak yang menyuarakan tentang kemungkinan Rang Undang-undang ini akan menakut-nakutkan kalangan pekerja perkhidmatan awam supaya dilarang jangan memberikan pendapat masing-masing berkenaan dengan tuntutan anomali ini adalah tidak dapat diterima oleh saya, kerana dalam Tribunal ini didapati benar bebas dan tidak akan dipengaruhi oleh mana-mana pihak walaupun Kerajaan sendiri dan keputusan yang diambil oleh Tribunal ini adalah muktamad. Tidak ada soal di dalam Rang Undang-undang ini yang patut diragukan berkenaan dengan Kerajaan hendak menyekat kebebasan Kesatuan Sekerja samada kecil atau besar, sebab dalam Rang Undang-undang ini juga membolehkan orang-orang atau perseorangan bebas mengemukakan pendapatnya kepada Tribunal ini. Jadi, hujjah ini tidaklah dapat kalangan yang mengatakan Rang Undang-undang ini akan menyekat kebebasan atau pendapat daripada Kesatuan Sekerja itu tidaklah menasabah, oleh sebab telahpun diadakan dalam Undang-undang ini, tiap-tiap seorang ahli pekerja dapat mengemukakan pendapatnya kepada Tribunal ini. Masaalah samada Kerajaan atau pihak Kesatuan bersalah atau tidak sehingga terpaksa Kerajaan mengadakan Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam ini, ini telahpun kita bahaskan waktu kita mengadakan mesyuarat tergepar Dewan ini tempoh hari berkenaan dengan perkara ini.

Jadi, kita sudah tahu hari ini rakyat sendiri akan menjadi hakim, siapakah yang akan disalahkan, kepada Kerajaan atau

kepada pihak Kesatuan-kesatuan Sekerja. Saya percaya hari ini kita sudah dengar dan dapat faham bahawa yang bersalah bukanlah pihak Kerajaan tetapi pihak Kesatuan-kesatuan Sekerja yang tidak mahu menerima segala keterangan-keterangan daripada pihak Kerajaan dan juga waktu kita bahas berkenaan dengan tuntutan gaji Ibrahim Ali dahulu dan tuntutan daripada Trade Unions pada akhir tahun 1976 dan awal tahun 1977 ini telah membawa negara ini satu keadaan yang suspense atas tuntutan ini. Jadi, apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi iaitu bukanlah tuntutan ini datang dari satu puak tetapi telah menerima tuntutan atas tuntutan, ancaman atas ancaman dan membawa negara kita ini kepada ketika itu suatu keadaan yang terlampau membahayakan. Jadi, sudah sewajarnya, sudah mestinya mengelakkan kejadian ini berulang balik pada masa yang akan datang maka Kerajaan patut mengadakan sebuah clause di dalam Rang Undang-undang ini dan clause ini telahpun diadakan untuk melarang supaya tuntutan-tuntutan itu tidak bersamaan dengan tindakan mogok. Jadi, sudah ada di dalam clause ini dan clause ini juga kalau kita bahaskan maka kita dengar perkara yang dibawa oleh Perdana Menteri dahulu di Dewan ini atas tuntutan iaitu tindakan yang dibuat oleh Kesatuan itu mengancam negara ini, Dewan ini sudah minta kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebuah clause dalam Undang-undang ini mesti diadakan untuk mencegah tuntutan ini bersamaan dengan tindakan perusahaan terhadap Kerajaan.

Maka di sini, saya suka mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan yang membawa clause ini ke dalam Undang-undang ini. Jadi, tidaklah lagi kita dengar pada masa yang akan datang berkenaan dengan ancaman-ancaman seperti ini.

5.10 ptg.

Datuk Mansor bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam ini yang telah dibentangkan sekejap tadi oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Saya rasa menjadi harapan kita semua Undang-undang ini akan diterima dengan baik oleh seluruh kesatuan-kesatuan sekerja tanah air kita, kerana daripada isi kandungan Rang Undang-undang

ini begitu jelas membayangkan bagaimana keikhlasan pihak Kerajaan hendak menyelesaikan segala tuntutan-tuntutan daripada pihak kesatuan-kesatuan ini supaya tidak berlanjutan, tidak menjejaskan kestabilan negara dan tidak menjejaskan segala rancangan-rancangan yang telah disusun oleh pihak Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah jemu mendengar ancaman-ancaman daripada setengah pihak kesatuan yang menuntut segala apa yang mereka mahu supaya dilaksanakan oleh pihak Kerajaan dengan ancaman-ancaman hendak mogok, kerja mengikut peraturan ataupun sebagainya. Kadangkadang kita merasa seolah-olah Kerajaan kita terlampau berlembut sangat, maka dengan sebab lembut itu bagi setengah-setengah pihak kesatuan sekerja ini menganggap yang Kerajaan ini lemah, takut kepada tindakan-tindakan mereka. Kita harap anggapan itu tidak akan diteruskan lagi setelah lulusnya Undang-undang yang ada di hadapan kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya kebanyakan daripada kesatuan-kesatuan ini terutama ahli-ahlinya adalah orang-orang yang bertanggungjawab kepada tanahair ataupun negara kita ini, tetapi mungkin ada kumpulan-kumpulan atau orang-orang yang memang sentiasa berkehendak melihat keadaan negara kita ini tidak aman, tidak stabil dan tidak sentosa. Kumpulan-kumpulan ini bukan sahaja terdiri daripada penyokong-penyokong kominis sebagaimana yang kita selalu dengar setiap hari, bahkan orang-orang yang bukan kominis yang mereka juga anti-kominis, tetapi mereka ini anti-Kerajaan; anti kepada Kerajaan Barisan Nasional. Jadi, mereka ini juga memang memainkan peranan untuk mencucuk ataupun mengapi-apikan setengah-setengah daripada pekerja-pekerja ini supaya mengemukakan tuntutan-tuntutan dan ancaman-ancaman dan dengan jalan atau cara itu pihak Kerajaan sentiasa diserabut dan dihujani dengan berbagai-bagai masalah yang menambahkan beban pemikiran kepada pemimpin-pemimpin negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyebutkan dalam perkara perlantikan ahli-ahli Tribunal ini. Ini adalah sangat penting, kita tidak mahu kejadian sebagaimana yang telah sudah, kita lantik orang yang tidak

kena pada tempatnya. Masalah Tribunal ini kita berkehendak satu badan yang betul-betul mengerti masalah-masalah daripada segenap pihak, samada masalah Kerajaan iaitu kemampuan negara dan Kerajaan untuk membayar tuntutan-tuntutan ataupun gaji-gaji dan masalah-masalah daripada pekerja itu sendiri supaya berpadanan dengan bayaran yang diberi dengan kerja yang dibuat oleh mereka. Ini saya rasa sukar, bukanlah satu perkara yang mudah. Kalau salah pihak Kerajaan melantik seorang yang daripada mula lagi dilahir sentiasa berada dalam kehidupan dulang emas, semuanya senang-lenang, makan-minum sentiasa berharga mahal, duduk bangunan dan tidur berada dalam istana misalnya, maka tinggillah ukurannya gaji-gaji yang akan dibayar dan mungkin tidak mampu oleh Kerajaan. Jadi dengan kerana ini saya cadangkan supaya kepala atau pengerusinya itu mestilah kalau boleh dilantik orang yang daripada bawah yang telah merasa pahit-maung hidup di dalam negara dan masyarakat yang telah merasa gaji yang kecil sehingga meningkat naik dengan kebolehan, kecekapan dan kejujurannya sampai ke atas. Dengan itu, saya percaya dia akan dapat menimbang dengan seadil-adilnya yang tidak boleh memberatkan kepada Kerajaan dan tidak pula menganiaya kepada pekerja-pekerja. Ini adalah penting, Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya rasa carilah orang-orang yang telah berkecimpung dalam politik kerana mereka ini lebih mengetahui keadaan-keadaan pergaulannya, masyarakat daripada kampung ke bandar dan dengan jalan itu barangkali dia tidak terlalu membeza-bezakan keadaan orang yang kerja menggunakan tulang empat kerat dengan orang yang menggunakan otak dan fikiran sahaja. Jangan terlampau jauh perbezaan, kalau tidak salah saya ada setengah-setengah negeri mengukur gaji mereka itu dengan menimbang cara kerjanya, kalau berat kerja banyaklah gaji yang dibayar, kalau ringan kerjanya maka sedikit gaji yang dibayar. Jadi, kita tidak hendak buat sampai begitu, masalah yang kita mahu ialah seimbang, kita memang menyokong kehendak-kehendak kesatuan sekerja yang bertanggungjawab kerana dengan cara itu mereka akan dapat mengumpul tenaga fikiran mereka kepada faedah-faedah yang lebih baik samada terhadap ahli mereka sendiri dan juga kepada bangsa dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka memaklumkan di sini semenjak timbulnya tuntutan-tuntutan gaji ini iaitu di dalam tahun ini setelah Kerajaan meluluskan Gaji Kabinet, yang sekarang ini telahpun dibayar, saya nampak tingkatan kerja yang telah dijalankan oleh setengah-setengah pekerja ini sedikit pun tidak bertambah, bahkan ada tempat-tempat yang lebih kurang, kerja semakin leceh, itu maksud saya. Mungkin ada tuntutan-tuntutan anomali-anomali atau sebagainya yang belum selesai, maka sengaja melambat-lambatkan kerja ini. Saya misalkan surat-menyuarat, kalau dahulu daripada Kuala Lumpur ke Pantai Timur memakan masa yang paling tinggi tiga hari, tetapi sekarang kadang-kadang sampai satu minggu tidak sampai. Walaupun dihantar dengan express yang stemnya sampai \$2 sepatutnya sampai the same day, tetapi daripada Pantai Timur ke Kuala Lumpur ini tiga hari baru sampai. Ini yang berlaku sekarang. Begitu juga dalam Jabatan-jabatan Kerajaan kerja-kerja lebih lambat daripada masa dahulu, kerana saya rasa kepala mereka sentiasa membayangkan tuntutan-tuntutan, berapa yang dia akan dapat arrears dan yang setengahnya pula membandingkan si A dapat sekian, aku dapat sekian. Apa sebab ada perbezaan, kadang-kadang ada juga yang lain-lain, itu terpulang kepada dia kerana itu haknya. Mesti ada kerjasama daripada pihak pegawai-pegawai, kakitangan dan pekerja-pekerja ini, setelah Kerajaan meluluskan tuntutan-tuntutan kenaikan gaji mereka, maka kita mintalah supaya mereka ini lebih bertanggungjawab memberikan usaha dan tenaganya dengan penuh dedikasi supaya segala kerja-kerja itu dapat berjalan dengan lebih licin dan teratur.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap kelulusan undang-undang ini nanti segala syak wasangka terhadap kejujuran dan keikhlasan Kerajaan akan dilenyapkan atau dihapuskan kerana badan ini benar-benar bebas dan mempunyai kata pemutus yang muktamad. Jadi, tidak ada sebab kalau sekiranya hendak mengancam mogok atau mengambil tindakan perusahaan dan sebagainya. Saya rasa kalau boleh perkara mogok ini patutlah kita hapuskan sama sekali. Segala tuntutan-tuntutan gaji dan sebagainya kita pulangkan kepada Tribunal yang menentukan dan memikirkannya dengan seadil-adilnya dengan tidak payah

mengadakan mogok dan sebagainya yang boleh merosakkan imej negara kita dan kesetabilan pemerintahan Kerajaan kita.

5.20 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr Mahathir, Timbalan Perdana Menteri, yang telah membawa Bil ini. Saya berharap bukan sahaja Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat menyokong Bil ini tetapi juga seluruh rakyat Malaysia yang taat setia kepada negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya dahulu ialah Vice-President of the War Department Civilian Staff Association dari tahun 1951 hingga 1968 yang ada mempunyai ahli 7,000 orang. Saya tahu benarlah berkenaan dengan perjalanan kesatuan sekerja ini. Dulu semasa Yang Berhormat Encik Bahaman menjadi Menteri Buruh there was no problem kerana beliau tahu menackle (tackle) pegawai-pegawai dan ahli-ahli jawatankuasa kesatuan sekerja ini. Apabila Yang Berhormat Encik Bahaman berhenti, diganti oleh Yang Berhormat Tan Sri V. Manickavasagam, he was very strict. Mulalah masalah kesatuan sekerja ini tidak boleh tackle. Kesudahannya pergi jumpa dengan Yang Teramat Mulia Tunku sebagai Perdana Menteri pada masa itu. Beliau pandai menackle hati pegawai-pegawai kesatuan sekerja ini dengan mengatakan "tak pa"—tidak ada problem. Sungguhpun kata-kata itu "tidak apalah" mereka akur pada Tunku. Apabila Yang Teramat Mulia Tunku bersara, begitu juga Menteri Buruh yang baru sahabat kita pun very strict. Tidak boleh juga settle problem kesatuan sekerja ini. Mereka pergi jumpa dengan Allahyarham Tun. Begitu juga kata Tun, semacam polisi Tunku—we can settle the problem.

Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap dua tahun, President of the M.T.U.C. ini bertukar. Separuh keras, separuh lembut. Tetapi semenjak Setiausaha Agong yang lama Encik J. H. Zaidi tidak ada lagi, mulalah kecuh. Mereka tidak sepakat lagi, mereka hendak berebut pangkat dan kuasa. Dr P. P. Narayanan, President M.T.U.C. tidak pernah ada di sini—he is always in Geneva. Ini semua jadi kerana CUEPACS yang

mengada-mengada pada fikiran saya. We want trade unions but they should not always be a headache to the Government.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya masuk kepada Public Service Tribunal ini. Saya menyokong 100%. Sudah tiba masanya kita menubuhkan Jawatankuasa ini dan saya cadangkan kepada Kerajaan kerana sudah tiga kali buat report—Suffian Report, Aziz Report dan Harun Report kakitangan Kerajaan tidak puas hati. Jadi, saya men-cadangkan supaya anggota Tribunal ini kita lantik 13 orang. Dua wakil dari M.T.U.C., dua wakil dari majikan, dua Ahli Parlimen (seorang Ahli Dewan Rakyat dan seorang Senator) dan enam orang dari Kementerian-kementerian dan seorang orang awam yang bijak untuk menjadi Pengerusi. Orang ini orang bebas. Jadi jumlahnya 13 orang.

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, apa-apa keputusan Jawatankuasa mestilah dibawa ke Parlimen. Parlimenlah yang akan melulus-kannya, barulah sah. Itu cadangan saya, Tuan Yang di-Pertua. Saya menambah sedikit pandangan saya iaitu banyak rakyat di dalam negara sudah lupa kepada Kerajaan (so many of our people forget the Government). Mereka mesti ingat yang Kerajaan Barisan Nasional ini ialah Kerajaan yang diberi mandate oleh rakyat dalam pilihanraya yang lepas, iaitu 2/3 rakyat negara ini menyokong Kerajaan. Begitu juga, tiap-tiap kali pilihanraya yang akan datang, Insya Allah.

Saya suka memberitahu rakyat negara ini melalui Dewan ini iaitu kita tidak boleh dapat lagi satu Kerajaan yang adil dan bertimbang rasa kerana konsep kita demokrasi dan berteraskan Islam. Orang-orang Islam jika hendak melakukan satu-satu perkara dia ingat kepada Tuhan dulu. Itulah yang patut pegawai-pegawai kesatuan sekerja dan ahli-ahlinya yang ada 560,000 orang mengambil contoh dan patuh kepada Kerajaan Barisan Nasional. Kita ada 11 buah parti dalam Barisan Nasional mengandungi segala kaum dalam negara ini. Saya beri dua contoh kepada rakyat negara ini supaya faham. Kita sudah luluskan dua Rang Undang-undang iaitu Undang-undang Senjatapi dan Undang-undang Dadah Merbahaya. Kedua-dua ini kalau sabit kesalahannya hukumannya ialah hukuman mati. Akan tetapi, Kerajaan Barisan Nasional tidak menjalankannya kerana dasar Islam adil dan saksama. Bukan

senang hendak mengambil nyawa manusia. Kita beri orang makan sedap-sedap, biarkan dia gemok dan insaf atas kesalahannya supaya mereka bertaubat, balik kepada ajaran ugama masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, marilah kita bersatu-padu dan patuh kepada Kerajaan kita. Pada masa ini the people in this country are not united. Itu sebabnya Tuhan mendatangkan bala. If you go to Jinjang, if you go to Selayang, there is not enough water! Ini bala. Hari-hari panas, tidak boleh tidur—bala. Barang-barang mahal pun bala. Kerana apa? Kita tidak bersatu-padu.

Tuan Yang di-Pertua, marilah kita bersatu-padu. Saya merayu kepada Kerajaan kalau ada tuntutan-tuntutan kenaikan gaji dari kesatuan-kesatuan sekerja ini tolonglah ingat kepada orang-orang kampung yang menderita, kais pagi makan pagi, kais petang makan petang, tetapi kalau Rakyat Malaysia keturunan Melayu di kampung-kampung sudah senang dan kaya-raya barulah timbangkan kenaikan gaji. Orang-orang kampung yang miskin ini yang menuntut kemerdekaan negara ini yang patut kita utamakan. Dua puluh tahun kita merdeka tidak sampai 10% orang-orang kampung sudah senang. Inilah yang kami laung-laungkan di Dewan ini hari-hari. Orang-orang yang bekerja cukup bulan dapat gaji, tetapi orang kampung tidak cukup.

Inilah sahaja pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong 100% Bil ini.

5.28 ptg.

Tuan Ali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan dan menyokong Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam 1977 ini dengan harapan supaya Kerajaan dapat melantik ahli-ahli yang sungguh-sungguh bebas bagi menyasat dan menyelesaikan masalah anomali-anomali yang terdapat di dalam syarat-syarat perkhidmatan di dalam perkhidmatan awam. Walaupun telah termaktub di dalam Rang Undang-undang ini, kita berharap bahawa ahli-ahli Tribunal yang hendak dilantik diharap adalah terdiri daripada ahli-ahli yang pakar dari semua bidang perkhidmatan daripada yang serendah-rendahnya pangkat hingga yang setinggi-tingginya. Kita berharap Tribunal ini tidaklah pula dipengaruhi oleh mana-mana kuasa politik

atau orang-orang perseorangan. Jika ini berlaku maka Tribunal ini juga akan hilanglah maksud asalnya. Contohnya sepertimana yang berlaku kepada Suruhanjaya Gaji Aziz yang mana prinsip asalnya telah berkecai dan menyebabkan timbul beberapa masalah atau anomali dengan sebagainya. Ini akan menimbulkan serba salah kepada kesatuan-kesatuan sekerja yang dikandung keciciran yang dikejar tidak dapat.

Tuan Yang di-Pertua, Tribunal ini adalah diharapkan menjadi badan yang sungguh-sungguh bebas beramanah dan dengan penuh rasa tanggungjawab menyimpan rahsia-rahsia sebelum perkara-perkara itu dipersetujui oleh Kerajaan, janganlah hendaknya perkara itu sebelum diketahui oleh Kerajaan telahpun diketahui umum. Jika ini berlaku akibatnya adalah sangat besar. Tuan Yang di-Pertua, besarlah harapan kita dengan adanya Tribunal ini maka perjalanan kesatuan-kesatuan sekerja dan persatuan pegawai awam ini dapat berjalan dengan baik iaitu mengikut lunas-lunas demokrasi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya Tribunal Perkhidmatan Awam 1977 ini dapat menyedarkan kesatuan-kesatuan sekerja awam yang memikirkan kepentingan dirinya lebih daripada kepentingan negara dengan ancaman-ancaman mereka. Kita tidak mahu ada kesatuan-kesatuan sekerja ataupun kesatuan-kesatuan pekerja awam yang menjalankan perundingan dengan Kerajaan dengan mengancam atau mengugut dengan mogok dan sebagainya. Kita sedar di negara kita yang sedang membangun ini kita berkehendakkan banyak penanam-penanam modal dari luar bagi membangunkan perindustrian dalam negara kita untuk menjamin peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat negeri ini tetapi jika negara ini sentiasa diancam dengan mogok maka pemodal-pemodal asing atau modal-modal luar akan takut menanam modal di dalam negara kita ini, akibatnya negara kita akan rugi dan rakyat juga akan rugi, rakyat juga akan terancam sebagaimana berlaku di Britain pada tahun-tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun pada masa ini ada kesatuan-kesatuan sekerja yang mengugut Kerajaan tetapi Kerajaan hendaklah sedar bahawa ada kesatuan-kesatuan sekerja awam yang penuh bertanggungjawab yang tidak pernah cuba hendak mogok tetapi

mereka itu menggunakan tuntutan-tuntutannya dengan jalan berunding, kepada mereka kita mengucapkan syabas atas tanggungjawab mereka itu kepada negara. Kita berharap Kerajaan akan sentiasa mengambil perhatian yang berat di atas sikap kesatuan-kesatuan sekerja yang seumpama ini. Tuan Yang di-Pertua, di dalam peringkat ini kita berharap pelaksanaan Lapuran Gaji Kabinet ini dapat mengatasi kegelisahan kakitangan Kerajaan yang timbul dari sebab kenaikan perbelanjaan sara hidup yang berpunca dari inflasi yang berlaku dengan terusnya di tahun-tahun 1973 dan 1974. Bagaimana Kerajaan patut menyedari bahawa kegelisahan demikian boleh berlaku lagi jika negara ini membiarkan inflasi terus-menerus walaupun kecil sekalipun darjah inflasi itu. Di dalam hal ini inflasi yang dijangka berlaku kira-kira 55% setahun dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga sepatutnya tidak dibenarkan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Kerajaan melalui dasar fiskalnya iaitu terutamanya melalui dasar percukaian dan perbelanjaan boleh dan mempunyai keupayaan untuk mengelakkan inflasi dari berlaku. Dalam tahun-tahun enam puluhan dahulu dasar fiscal Kerajaan ini menunjukkan boleh dilakukan dan pada waktu itu inflasi ataupun kenaikan harga barang tidak melebihi daripada 1%. Tuan Yang di-Pertua, di dalam semangat dan kesedaran inilah Kerajaan perlu sedar iaitu jika kadar inflasi 5% seperti yang dijangka di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini terus berlaku saya bimbang ini nanti akhirnya akan menimbulkan kegelisahan semula kepada kakitangan Kerajaan, ini kerana jika kenaikan gaji seseorang pekerja itu sebanyak 5% setahun juga maka kenaikan itu tidak ada apa-apa menafaat, ianya habis ditelan oleh inflasi 5% yang sama. Bagi harga barang kenaikan harga sebanyak 5% itu bererti, sebagai contoh umpamanya bawang berharga 50 sen sekati pada tahun 1976, ianya nanti selepas Rancangan Malaysia Ketiga iaitu pada tahun 1980 bawang yang sama itu juga akan meningkat harganya 63.8, sen, tetapi memandang kepada perkembangan bekalan wang yang bertambah sebanyak 18.7% antara bulan Mac 1976 hingga Mac 1977 saya bimbang bahawa kadar inflasi negara ini akan jauh melebihi 5%. Saya minta supaya perkembangan perbekalan wang dipelahkan kepada 5% setahun iaitu supaya hampir menyamai perkembangan pendapatan ke-

luaran negara kasar. Tuan Yang di-Pertua, di negara kita ini pula apa-apa bentuk inflasi walau bagaimana kecil sekalipun akan melahirkan satu suasana yang paling tidak sihat. Di mana inflasi sering mengutamakan pengeluaran barang dan perkhidmatan dan yang diperniagakan dan ianya sering merugikan kepada golongan yang menerima upah ataupun gaji.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia ini adalah satu suasana yang tidak sihat boleh ditambah memburukkan lagi jika ada anasir-anasir subversif yang cuba memperlagakan keturunan kaum oleh sebab penerimaan pendapatan yang semakin merosot oleh kerana mereka yang makan gaji dan upah dengan mereka yang menerima hasil pendapatan dari pengeluaran barang dan perkhidmatan serta memperniagakannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan penuh kesedaran menyokong Rang Undang-undang ini.

5.41 ptg.

Tuan Chua Ching Cheng: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam, 1977 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita sebentar tadi. Sepertimana yang kita tahu Kerajaan kita terpaksa mengadakan Rang Undang-undang ini adalah disebabkan Kerajaan selalu sangat dihadapkan dengan ancaman atau ugutan oleh kesatuan-kesatuan sekerja perkhidmatan awam berhubung dengan masalah gaji sejak akhir tahun 1976 sehingga awal tahun ini dan tindak-tanduk mereka itu telah mengancam kestabilan negara terutama ekonomi dan keselamatan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa lampau Kerajaan kita telahpun cuba menubuhkan berbagai-bagai suruhanjaya untuk mengkaji dan menyelesaikan masalah-masalah tanggaji kakitangan perkhidmatan awam, malangnya lebih banyak suruhanjaya ditubuhkan lebih banyak kepincangan-kepincangan ikut timbul. Dalam setahun dua baru-baru ini rakyat sudah naik muak atau jemu mendengarkan berita-berita berkenaan pertikaian-pertikaian antara kakitangan-kakitangan perkhidmatan awam dengan majikannya, iaitu Kerajaan atas tuntutan gaji mereka. Kadang-kadang rakyat merasa ragu samada

Kerajaan kita ini hanya melayan atau mementingkan kemewahan kehidupan kakitangan-kakitangan perkhidmatan awam sahaja dan membiarkan nasib rakyat yang sebilangan besar dalam negara kita yang masih dalam keadaan kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Bagaimanapun, syak wasangka ini telahpun dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Datuk Hussein Onn semasa beliau berucap menggulung perbahasan Rang Undang-undang yang berkenaan di Dewan Rakyat pada 26-7-1977. Kata beliau, Kerajaan bukan sahaja bertanggungjawab kepada setengah juta pekerja-pekerja dalam perkhidmatan awam tetapi kepada rakyat jelata keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengelakkan masalah yang dihadapi dalam perkara tuntutan anomali yang telah dan akan wujud berterusan dari satu suruhanjaya ke satu suruhanjaya maka Kerajaan terpaksa mengadakan Rang Undang-undang yang kita sedang bahaskan ini untuk menubuhkan satu badan bebas bagi menyelesaikan anomali-anomali dalam perkhidmatan awam berikutan dengan pelaksanaan Laporan Jawatankuasa Kabinet baru-baru ini. Ini adalah satu langkah yang sangat baik dan bijak yang diambil oleh Kerajaan kita dan dengan tertubuhnya Tribunal Perkhidmatan Awam ini maka kita percaya badan bebas ini akan dapat menyelesaikan secara muktamad semua tuntutan anomali tanggagaji dan syarat-syarat perkhidmatan awam pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita membaca Rang Undang-undang ini dengan teliti maka didapati Rang Undang-undang ini adalah satu Rang Undang-undang yang sangat adil dan tidak sekali-kali pun memberatkan kepada mana-mana pihak yang berkenaan, mahupun pihak Kerajaan atau pihak pekerja-pekerja perkhidmatan awam. Saya berkata demikian oleh kerana segala keputusan yang diberi oleh Tribunal ini bukan sahaja akan dipatuhi oleh pihak orang-orang perseorangan atau pertubuhan bahkan juga pihak Kerajaan. Pendek kata hak asasi perseorangan atau pertubuhan adalah terjamin dalam kandungan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kakitangan-kakitangan sektor awam patutlah insaf dan sedar oleh kerana kehidupan mereka itu adalah lebih terjamin dan nasib mereka itu adalah lebih baik jika dibandingkan dengan pe-

kerja-pekerja dalam sektor swasta atau penganggur-penganggur yang mempunyai kelulusan-kelulusan yang sama taraf dengannya. Tanggagaji mereka itu bolehlah dikatakan lumayan jika dibandingkan dengan tanggagaji kakitangan Kerajaan di negara jiran kita. Dengan ini saya merayu kepada mereka itu lupakanlah tindakan-tindakan perusahaan seperti mengugut, picketing dan mogok kerana tindakan-tindakan ini bukan sahaja tidak dapat menyelesaikan masalah bahkan merosakkan iklim pelaburan dan imej Kerajaan kita. Saya berharap sebaik sahaja Rang Undang-undang ini dilulus dan dikuatkuasakan oleh Kerajaan, Kesatuan-kesatuan Sekerja Perkhidmatan Awam hendaklah menerimanya dengan hati yang lapang dan bekerjasama dengan Tribunal ini untuk menyelesaikan segala anomali-anomali atau syarat-syarat perkhidmatan awam yang sedang dan akan wujud dari semasa ke semasa bagi kepentingan negara dan juga kepentingan mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya suka merayu atau menyeru kepada semua anggota perkhidmatan awam menumpukan sepenuhnya tenaga terhadap tugas dan kewajipan masing-masing dan melaksanakan rancangan Kerajaan dengan jujur dan dedikasi sejajar dengan perubahan tanggagaji baru yang menasabah yang diberi kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang banyak terdapat kelemahan-kelemahan dalam pentadbiran perkhidmatan awam yang dahulunya disanjung tinggi oleh rakyat sendiri bahkan juga orang-orang asing. Keadaan ini terjadi adalah kerana sistem pentadbiran perkhidmatan awam kita pada masa sekarang agak ada sedikit ketinggalan zaman. Semenjak kita mencapai kemerdekaan, jentera pentadbiran Kerajaan kita yang berkembang pesat masih lagi tidak berubah. Oleh sebab yang demikian timbullah masalah-masalah berbagai kelemahan dan kelewatan untuk Kerajaan membuat sesuatu keputusan. Peraturan-peraturan Kerajaan patutlah disusun semula supaya pelaksanaan sesuatu kegiatan boleh dibuat secara serentak dan berkesan. Sambil itu tenaga kakitangan Kerajaan dapat digunakan dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk meninggikan mutu perkhidmatan awam Kerajaan kita patut juga mengadakan satu bahagian tata-tertib khas seperti yang ditubuhkan oleh

Pasukan Polis kita untuk menimbang tata-tertib terhadap pegawai-pegawai yang kurang bertanggungjawab, malas, kurang bersopan-santun dan yang pernah disiasat oleh BSN atau cawangan jenayah dan mereka yang tidak diambil tindakan oleh mahkamah, menyiasat semua aduan anggota perkhidmatan awam mengenai kurang tatatertib, kelakuan tidak senonoh dan perbuatan curang, menyiasat kes-kes pegawai-pegawai yang memiliki tanah atau lain harta atau tanaman modal yang disyakki tidak seimbang dengan pendapatan yang diperolehinya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita tahu kakitangan Kerajaan adalah orang-orang yang diamanahkan dengan kepercayaan untuk menjalankan peraturan-peraturan undang-undang. Sebarang perbuatan yang tidak sopan atau curang bukan sahaja melanggar disiplin yang ditetapkan menurut peraturan-peraturan yang tertentu, tetapi akan meruntuhkan kepercayaan orang ramai terhadap Perkhidmatan Awam.

Tuan Yang di-Pertua, dengan tertubuhnya Bahagian Kakitangan Khas maka kita dapat memastikan segala kecekapan dan mutu Perkhidmatan Awam yang lebih tinggi dapat diwujudkan. Mutu Perkhidmatan Awam yang tinggi adalah lebih berkesan dari sebilangan tenaga manusia yang ramai atau alat-alat yang berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telahpun meluluskan satu sekim tanggungjawab baru iaitu Laporan Jawatankuasa Kabinet yang lebih menasabah kepada semua anggota Perkhidmatan Awam. Maka terpulanglah kepada anggota Perkhidmatan Awam membalas budi itu dengan cara berkhidmat kepada rakyat jelata dengan lebih bersopan-santun, jujur dan berdedikasi dan di samping itu membantu Kerajaan menjayakan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga bagi mencapai puncak matlamat yang diharapkan.

5.52 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberi sokongan atas Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini.

Selain daripada itu, gemarlah saya, sebelum daripada saya membuat satu komen yang lain daripada Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan Rang Undang-undang yang kita bahaskan sekarang.

Baru sebentar tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita telah mengemukakan Rang Undang-undang ini dan memberikan hujah-hujahnya yang begitu tepat, tetapi saya sebagai salah seorang Ahli Dewan ini ingin menarik perhatian Kerajaan dalam beberapa masalah yang saya hendak bangkitkan. Pertama sekali kakitangan Kerajaan, yang kedua Kesatuan Sekerja—CUEPACS—yang ketiga lembaga yang kita lantik dan yang keempat, saya hendak memberi ingatan kepada Kerajaan. Maksud saya ingatan—bukan amaran, pandangan-pandangan setelah Kerajaan berjaya dengan Rang Undang-undang ini diluluskan demi kepentingan rakyat dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita setelah mendengar bahawa Kerajaan telah mengadakan Suruhanjaya sebanyak tiga kali dan yang keempatnya Suruhanjaya Ibrahim Ali, akhirnya gagal, tidak berjaya ditimbulkan dengan Laporan Tanggagaji Kabinet. Saya hendak beritahu Kerajaan bahawa Suruhanjaya yang dibuat ini ialah dengan kehendak Kerajaan, dengan wang Kerajaan, memakan masa yang lama demi hendak memelihara, hendak memberikan satu tanggungjawab yang baik kepada kakitangannya yang telah memberi khidmat kepada negara ini. Setelah laporan-laporan ini dijalankan, pelaksanaan dijalankan, pembayaran gaji dijalankan, timbul rasa tidak puas hati, timbul kata Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi, sengketa, timbul macam-macam daripada kakitangan Kerajaan terhadap pembayaran itu, Kerajaan sentiasa menerimanya dengan tenang dan melayannya, hatta didatangi oleh kesatuan-kesatuan sekerja perkataan-perkataan, tindakan-tindakan sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan rakyat sendiri tahu.

Tajuk saya dalam kakitangan Kerajaan, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan dipilih oleh rakyat tiap-tiap lima tahun sekali dan rakyat sentiasa memerhatikan perkembangan dasar pelaksanaan yang dibuat oleh Kerajaan. Kerajaan pula bila lepas mencapai

kemerdekaan, Kerajaan kata hendak melaksanakan, hendak mengisikan kemerdekaan. Kemerdekaan ini tidak boleh diisi. Kehendak rakyat tidak boleh disempurnakan selagi kita tidak ada mempunyai kakitangan Kerajaan, maka dengan sebab itu di Malaysia ini kakitangan Kerajaannya mengikut jumlahnya hampir 500,000 orang. Inilah jentera Kerajaan yang menjalankan, melaksanakan projek-projek Kerajaan dalam berbagai Rancangan-rancangan Malaysia Pertama, Kedua dan Ketiga. Kepada kakitangan Kerajaan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya memahamkan bahawa dari merekalah akan dapat Kerajaan yang dipilih oleh rakyat ini mengisi kemerdekaan itu. Saya berterima kasih dan mengucapkan tahniah kepada kakitangan Kerajaan yang sejak kita mencapai kemerdekaan telah membuat begitu banyak khidmatnya kepada negara ini dan kepada rakyat telah menunaikan projek-projek Kerajaan mengikut jadual dan ada yang tidak sampai itu adalah sebab-musababnya. Jadi, dengan keadaan begini, kakitangan Kerajaan yang seramai 500,000 orang ini patut kita berikan penghormatan kepadanya dan kita juga memberikan satu pandangan yang bertimbang rasa kepadanya.

Saya memikirkan, Tuan Yang di-Pertua, menurut hemah saya kalau Rancangan Malaysia Ketiga ini kita laksanakan dengan kesungguhan dan keikhlasan kakitangan Kerajaan samada kita ambil dari luar, setengah-setengahnya ada, khasnya kakitangan Kerajaan Tempatan, saya yakin dan percaya bahawa peruntukan belanja Rancangan Malaysia Ketiga ini berlipatganda daripada rancangan-rancangan yang telah lalu. Kita percaya bila hasil ini berjalan akan menambahkan hasil negara, maka akan memberi menafaat kepada rakyat yang 10 juta orang, selain daripada kakitangan Kerajaan. Jadi, dengan sendirinya maka taraf hidup rakyat itu akan dapat diperbaiki dengan usaha baik yang telah diberikan oleh kakitangan Kerajaan. Maka dengan sebab itulah saya katakan tadi, Kerajaan sangat bertimbang rasa kepada jenteranya, kakitangan Kerajaan daripada segenap lapisan, Kerajaan mengadakan berbagai-bagai suruhanjaya termasuklah suruhanjaya yang akhir ini iaitu Lapuran Tanggagaji yang dibentuk oleh Kabinet. Bila kita telah luluskan di Parlimen ini dan kemurahan hati Kerajaan pula mengikut peruntukan-

peruntukan yang telah diberikan itu telah membayar gaji kepada kakitangan Kerajaan dan telah memberikan permulaan gaji kepada kakitangan Kerajaan. Itu menunjukkan bahawa Kerajaan ikhlas kepada kakitangannya dan saya puji Kerajaan pula bijak, tidak diberi wang itu sepenuhnya kepada kakitangan Kerajaan, kalau diberi sepenuhnya maka inflasi dalam negeri ini akan naik. Ini bijaknya Kerajaan, diansuransur dan kakitangan Kerajaan pula sanggup menerima dengan hati yang tenang. Kalau tidak, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir inflasi ini naik, kakitangan Kerajaan akan berbelanja dengan boros. Tindakan ini saya puji dan saya puji juga kakitangan menerima dengan tenang walau ada sungutan-sungutan tetapi itu sungutan kecil sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya yang saya hairan bagaimana kata Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kenapa kakitangan Kerajaan yang begitu bijak, ahli-ahli professional, doktor, engineer, lawyer, dan lain-lain yang keluar daripada universiti dapat dihasut dan dipengaruhi oleh kesatuan sekerja. Kenapa? Ini satu perkara yang memberatkan Kerajaan. Kakitangan Kerajaan dihasut dan dipengaruhi dengan pandangan-pandangan yang berlainan dengan keadaan ini maka timbullah tindak-tanduk kakitangan yang telah dipengaruhi oleh kesatuan sekerja itu, malahan mereka menjadi ahlinya berbagai perkara telah berlaku bila mana Kerajaan hendak melaksanakan Lapuran Tanggagaji Kabinet itu. Kalau diteruskan sikap begini, saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, untuk menyatakan dahulu mengenai mogok ini bahawa orang Melayu amat benci dan tak hendak mogok tetapi bila mereka sama dengan CUEPACS menjadi ahli kesatuan sekerja, orang Melayu pula yang pergi ke hadapan untuk mogok. Ini satu perubahan yang sangat membingungkan diri saya yang cetek dalam perkara ini. Orang Melayu dahulu memang kurang mengadakan piket dan mogok tetapi sekarang saya tengok yang berpiket itu ramai orang Melayu dan ramai pula kaum wanita. Tujuan tunjuk perasaan itu supaya Kerajaan mengikuti kehendak mereka. Dengan keadaan itu, perkembangan itu sentiasa diperhatikan oleh Kerajaan yang dipilih oleh rakyat dan rakyat bertanya kepada Kerajaan, "Adakah Kerajaan hendak mengikut kehendak 500,000 orang atau rakyat yang 10 juta?"

Jadi dengan sebab itu Rang Undang-undang yang akan diluluskan ini kita bawa ke Dewan Rakyat dan Dewan Negara untuk menyelesaikan masalah ini. Dan Rang Undang-undang ini adalah satu undang-undang yang bebas bukan sahaja boleh menguasai pihak kesatuan sekerja tetapi juga boleh menguasai pihak Kerajaan dan Kerajaan juga kena patuh. Sebab kalau dibiar-kan kakitangan Kerajaan atau kesatuan sekerja melakukan apa yang telah saya sebutkan tadi, dan juga rakan sejawat saya, telah memberikan pandangan, saya kira bahawa ini juga akan menjejaskan kelicinan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga dan boleh jadi melumpuhkan pentadbiran Kerajaan.

Ketiga, bahayanya boleh meliarkan pe-
laburan asing untuk menanam modal di dalam negara kita.

Keempat, boleh mengganggu dan meng-
ancam keselamatan dalam negara kita.

Kelima, kalau diikuti kehendak kesatuan sekerja ini tidak menurut Lapuran Gaji Kabinet, negara kita akan kering kewangan-nya sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Tatkala itu negara ini tak ada upaya hendak membayar tuntutan kesatuan sekerja itu, dengan cara tak langsung dan mudah rakyat dalam negeri ini, Kerajaan dalam negeri ini akan berubah kepada satu Kerajaan yang lain yang dikehendaki oleh musuh-musuh negara kita. Jadi tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk memberi faedah kepada negara, rakyat seluruhnya termasuk kakitangan Kerajaan.

Saya fikir satu perkara lagi yang saya hendak sentuh ialah berhubung dengan Lem-
baga yang akan dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk menganggotai Tribunal ini. Saya harap Kerajaan hendaklah memilih orang yang mempunyai kelayakan, dan benar-benar memahami perasaan pekerja. Sebab kalau mereka yang menjadi anggota itu tidak memahami kehendak pekerja, kaki-
tangan Kerajaan yang begitu ramai tadi akan mengatakan Lembaga ini tidak memberi faedah dan tidak memberi kesan. Rasa tak puas hati itu walaupun dapat dikawal oleh Undang-undang, ianya tetap akan tersemat di hati kakitangan Kerajaan itu. Bila hati mereka kurang senang, kerja tak berjalan, macam-macam cerita di pejabat. Jadi itulah

sebabnya saya berkehendakkan supaya anggota Tribunal itu dilantik dari orang-orang yang mahir atau pakar dalam masa-
alah pekerja.

Kedua, saya minta orang yang dilantik itu mempunyai sifat meletakkan kepentingan negara mengatasi yang lain. Kalau dilantik orang yang tak sesuai, mungkin akan dapat dipengaruhi. Saya harap Lembaga ini jangan dipengaruhi oleh Kerajaan atau Menteri Buruh sebab Lembaga ini bebas, itu yang kita harapkan. Sebab kalau dipengaruhi kepada Lembaga ini, ceritanya begitu juga, hati pekerja tak senang juga. Jadi kita mahu mereka betul-betul bebas.

Ketiga, saya minta Lembaga ini jangan dipengaruhi oleh parti siasah. Kalau di-
pengaruhi oleh parti siasah kakitangan yang seramai 500,000 orang ini boleh berfikir dan bercakap dengan ahli-ahli parti siasah. Ianya berlawan setiap masa untuk bertikam lidah, pada hal benda yang kita hendak beri itu hak mereka. Itu ingatan saya kepada Kerajaan dengan ikhlas. Kalau Kerajaan hendak marah saya, marahlah. Kalau Lembaga ini di-
pengaruhi oleh parti siasah, pelaksanaannya tidak akan berjalan dengan licin dan sempurna.

Keempat, bila Kerajaan hendak melak-
sanakan Rang Undang-undang ini hendaklah dilaksanakan dengan penuh cermat dan berhati-hati dan mempunyai semangat musyawarah, sebab negara kita terkenal dengan negara muswarah. Kita mahu semangat musyawarah, jangan timbul emosi yang merosakkan perasaan antara dua pihak. Jadi, kalau dengan cermat, berhati-hati kesatuan sekerja dalam negeri ini akan dapat menerima dengan lapang dada, menerima dengan penuh hormat, sebab kepada mereka itu juga berguna kepada Kerajaan dan ber-
guna kepada negara.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya mengharap-
kan bahawa Rang Undang-undang yang suci murni dengan tujuan yang baik ini dapat diterima dan dipatuhi oleh ahli-ahli kesatuan sekerja dalam tanahair kita dan pihak kakitangan Kerajaan akan dapat memilih dan menentukan pegawai kesatuan sekerja yang sesuai, yang mana beras dan yang mana antah sial. Dengan keadaan demikian, negara kita akan dapat berjalan dengan baik dan aman dengan segala ran-
cangan Kerajaan dapat dijalankan dengan

sempurna. Segala harapan rakyat 10 juta itu akan berjalan dengan baik dari semasa ke semasa.

6.08 ptg.

Puan Hajjah Sahmah binti Sheikh Hussein: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam 1977 dengan menyampaikan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan dan kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang mengemukakan Rang Undang-undang ini. Tetapi sebaliknya apa yang diharapkan, anomali-anomali itu dapat dijalankan dengan seberapa segera.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang hendak saya huraikan dengan panjang lebar tadi untuk menyokong Rang Undang-undang ini sudah hampir sama dengan apa yang dibahaskan oleh saudara-saudara saya Ahli-ahli Yang Berhormat tadi. Tetapi walau bagaimanapun untuk menyokongnya, maka saya bangun juga memperkatakan dengan serba ringkas. Selanjutnya apa yang saya pandang penting ialah dalam Perkara II, Bahagian Perkhidmatan Awam, Bahagian A supaya dapat disegerakan mengikut Perkara 132 Perlembagaan, juga bahagian-bahagian yang selanjutnya.

Saya berpendapat sama dengan saudara-saudara saya Yang Berhormat tadi bahawa dalam Fasal 3 (1) (a) dan (b) itu biarlah dapat dicermatkan oleh pihak Kerajaan melantik orang-orangnya biarlah dapat dilantik orang yang bebas daripada politik dan golongan orang yang biasa merasai senang kedudukannya juga orang yang ada muslihat kepentingan diri sendiri, kerana kalaulah sampai kepada perkara ini terlantiklah orang-orang yang saya katakan tadi, maka bahaya yang serupa juga akan sama dialami. Apa yang kita mahu pihak Kerajaan dapat memikirkan biarlah orang-orang yang betul-betul pakar dalam menduduki jawatan ini dan biarlah dapat orang ini menimbang kepada dua belah pihak bagaimana timbang rasanya kepada pihak pekerja-pekerja, pegawai-pegawai kita dan juga timbang rasanya kepada pihak Kerajaan, kerana kedua ini dalam teras yang penting di dalam negara kita. Kalau ada Kerajaan tidak ada pegawai-pegawainya tidak akan terlaksana juga, kalau ada pegawai-pegawainya tiada Kerajaan yang mengatur undang-undang, tidak akan terlaksana juga. Akhir sekali dengan

adanya Rang Undang-undang ini maka pihak Kesatuan Sekerja akan berjalan dengan baik dan sewajarnya tidaklah berulang lagi apa yang telah berlaku di masa-masa yang sudah. Dapatlah pihak kesatuan kalau ada umpamanya rasa tidak puas hati, biarlah dapat bertindak dengan peraturan undang-undang dan hormat menghormati.

Memang kita yakin manusia yang hidup di dalam sesuatu perjuangan yang dihadapinya tiada seorang manusia yang boleh menerima semua kehendak itu dengan sepuas hati. Dengan sebab itu apa yang kita kehendaki biarlah dapat kita bertindak dengan sewajarnya dan melalui saluran undang-undang supaya kita dapat berjalan dengan selamatnya. Pihak pegawai-pegawai pula biarlah memberi tenaga-tenaga mereka itu dengan penuh kejujuran dan keikhlasan. Kalau kita mahu membuat perbandingan atau contoh kepada masyarakat kita hari ini di mana kita sama-sama maklum bagi pihak kita pegawai-pegawai yang sudah mendapat pendapatan yang lumayan, rasa saya sudah kedudukan kita baik pada tempatnya, tetapi kalau kita banding kepada saudara-saudara kita, masyarakat kita yang tidak mempunyai jawatan yang tetap, pendapatan yang lumayan lebih menderita lagi walaupun kesusahan apa yang dihadapi oleh mereka itu. Jadi kepada pegawai-pegawai di mana yang kita sama-sama kedengaran tadi apa yang telah dikeluarkan fikiran daripada pihak saudara-saudara Yang Berhormat, kalau dahulu memang jarang sekali kita mendengar bagi saudara-saudara kita lebih-lebih lagi pihak pegawai-pegawai yang terdiri daripada golongan orang Melayu ada rasa tidak puas hati ingin melakukan permogokan dan sebagainya. Tetapi kalau kita pandang pendapatan yang lumayan sudah didapati, patut sekali kita bersyukur ke hadrat Tuhan, kerana sudah diberi rezki yang lumayan dan kedudukan yang seajar. Bagi saudara-saudara kita yang tidak mendapat pendapatan yang lumayan lebih susah, lebih menderita, tetapi oleh kerana mereka itu tidak ada kesempatan hendak melakukan mogok, tiada orang yang hendak dilapurkan pengaduan, jadi perkara ini sebagaimana saya sebagai seorang yang beragama Islam patut memberi pandangan dan nasihat kepada pegawai-pegawai kita yang berkenaan di mana Rasulullah s.a.w. sendiri telah pernah berpesan kepada kita kalau kita hendak bersyukur dan berterima kasih dari

segi hidup kita jangan kita selalu memandangkan kepada pihak yang lebih atas dari kita. Pandanglah orang yang lebih bawah dari kita, biar dari segi pendapatan, biar dari segi penghidupan, biar dari segi rupa paras dan sebagainya. Kalau kita selalu memandangkan kepada pihak di atas, tidak akan melahirkan berterima kasih kita apa lagi kepada Tuhan lebih-lebih lagi kepada masyarakat seluruhnya. Sebab itu kepada pegawai-pegawai yang berkenaan dengan adanya undang-undang ini kita sama-sama berterima kasih mudah-mudahan dengan Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini dapat kita bertindak di masa-masa akan datang dengan keadaan yang sewajarnya.

Apa yang penting dan akhir daripada peringatan saya ini dapatlah pihak pegawai-pegawai kita yang memberi tenaga di dalam Jabatan masing-masing itu biarlah dengan penuh kejujuran dan keikhlasan. Begitu juga pihak Kerajaan yang menyusun sesuatu rang undang-undang yang akan dilaksanakan dan dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini biar pun di dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara dapat juga melakukan pemesyuaratan yang penuh cermat dan betul-betul bercermat samalah pendapat saya dengan saudara saya Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad di mana kadang-kadang kita dapati bahawa apa-apa berlaku di hadapan kita kadang-kadang dengan mengejut dan serta merta tidak sempat kita berfikir dibentangkan di hadapan kita. Kalau pihak Kerajaan dapat melakukan sesuatu itu dengan bermesyuarat secara cermat dahulu samalah juga dengan firman Tuhan, "Wasya wirhum filamri"—bermesyuaratlah kamu di dalam sesuatu perkara itu, kamu akan menemui jalan keselamatan dan kejayaan, tiada menempuh jalan buntu.

Inilah sahaja pada pendapat saya untuk menyokong Rang Undang-undang ini. Sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam 1977.

6.18 ptg.

Datuk Abdul Aziz bin Tapa: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977 ini. Setelah kita berjalan lama berkenaan dengan tuntutan-tuntutan gaji ini sehingga sampai ke puncaknya maka dibuatlah undang-undang Tribunal ini sehingga sudah tidak dapat diselesaikan macam kata Yang

Berhormat Senator Ibrahim Yaacob tadi, daripada zaman Tunku sampai zaman Tun no problem, rupanya problem juga, maka sampailah kepada undang-undang ini.

Sesungguhnya manusia ini memanglah begitu, dia hendakkan kebebasan, tetapi bebas dia jadi babas; macam burung merpati hendak terbang tinggi, terbang terbang terbang tidak boleh, rupanya bila sampai tiada udara; dia tidak boleh terbang lagi, terjelepaklah ke bawah. Begitulah halnya dengan kita ini masa sudah tidak terdaya lagi kita hendak menyelesaikan masaalah maka dibuatlah undang-undang. Sebagaimana kata Raja Datuk Nong Chik tadi sepatutnya Rang Undang-undang ini sudah lama dibuat tetapi ini berkehendakkan demokrasi. Apabila sampai melampaui lampau demokrasi ini, dia hendak kerusi pula. Bila sudah sampai kerusi, dia hendak kuasa pula. Jadi timbullah Undang-undang ini.

Oleh kerana telah banyak rakan sejawat saya Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini bercakap tadi berkenaan dengan Undang-undang ini, saya cuma menyentuh pendek-pendek sahaja. Yang pertama pada Kerajaan. Pada Kerajaan apabila Undang-undang ini telah disokong 100 peratus oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara hendaklah dijalankan. Ini selalu saya ingatkan dan kadang-kadang kita buat Undang-undang tetapi Undang-undang; tidak berjalan. Umpamanya, buat Undang-undang Kebersihan dalam Bandaraya dahulu, siapa buang sampah didenda \$500 tetapi masa saya memandu kereta, ada orang buangkan Hot-Dog sebungkus, siapa pun tidak peduli. Jadi tidak bergunalah Undang-undang itu. Kata orang tua-tua dahulu: "Terpijak benang arang orang, hitam tapak kaki. Bacau mulut, emas padahnya; tangan yang mencincang, bahu yang memikul". Jadi Undang-undang ini dibuat mesti dijalankan. Undang-undang ini ibarat benang arang. Benang arang, bila terpijak hitamlah tapak kaki kita. Jadi Kerajaan mestilah melaksanakan Undang-undang ini dengan sepenuhnya. Umpamanya, ada dibuat dalam satu seksyen yang menyebutkan bahawa pegawai-pegawai yang tinggi boleh memerintahkan pegawai yang di bawah membuat kerja dengan betul. Apa yang berlaku selama ini

saya tengok, bila pegawai atas hendak bertindak sahaja, pegawai bawah naik angin, naik minyak, sudah tidak berani pegawai atas hendak bergerak. Perkara yang seperti ini mesti dibetulkan.

Setelah itu apabila Kerajaan sudah berjalan tegas dengan Undang-undang ini, Kesatuan-kesatuan Sekerja dan pekerja-pekerja hendaklah berfikir pula jangan dia hendak hidup seorang sahaja dalam dunia ini, seolah-olah dunia ini dia punya. Ini jangan berfikir begini. Kita manusia ini seperti kata pepatah Melayu: "Macam aur dengan tebing. Aur hendak tumbang, tebing tahan; tebing hendak tumbang, aur ada." Jadi selamatlah tebing itu. Jadi kalau kaki-tangan Kerajaan berfikir begitu, orang ramai berfikir begitu, Kerajaan berfikir begitu, maka selamatlah negara kita ini. Itu mesti difikir begitu. Macam manapun kita kaya dalam dunia ini, akhirnya masuk ke tanah juga.

Kata Omar Khayam:

Bila engkau dan aku luput di balik tabir,

Ah! dunia masih jauh dari Yaumul-akhir,

Tiada mengesan padanya datang dan pulang kita,

Batu jatuh ke laut, kesannya ditelan air.

Habis berlaku. Berapa pun kita menunjukkan kegagahan kita, ahkirnya ke sana juga.

Juga saya teringat kata Omar Khayam:

"Bahram pemburu amat ternama,

Masyhur namanya ke mana-mana,

Sekarang kijang lompat di kubur,

Diamlah dia hilang takabur.

Konon ceritanya Bahram ini seorang yang gagah, pahlawan orang Parsi, sehingga kijang itu dapat ditangkap. Tetapi bila Bahram sudah terburuk dikubur, kijang ini melompat atas kuburnya, dia diam sahaja. Inilah halnya dunia ini, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, hendaklah kita fikirkan, semua orang fikir begini supaya kita boleh selamat dalam negara kita.

Selain daripada itu, saya suka hendak mengingatkan juga kepada Lembaga Tribunal Perkhidmatan Awam yang akan ditubuhkan kelak bahawa dalam memilih ahli-ahli penal ini, hendaklah difikirkan

dengan sebaik-baiknya dan dipilih yang betul-betul sepertimana peringatan daripada sahabat-sahabat saya tadi. Saya teringat pantun Melayu yang berbunyi:

Pilih-pilih tempat mandi,

Pertama telok kedua pantai;

Pilih-pilih tempat menjadi,

Pertama elok kedua pandai.

Elok, bagus dahulu, baru pandai. Jangan kita tengok orang itu pandai berjela-jela dihujungnya termasuklah Ph. D. dan lain-lain, kita angkat dia, tidak tahu dia ini penjarah besar. Ini pun kita hendak jaga juga, elokkan itu dahulu, elok orangnya, fikiran, pandangannya, baru pandai. Ini susah hendak cari. Tidak payahlah saya contohkan sesiapa, sekurang-kurangnya seperti hakim yang tinggi, hakim besar, orang ini memandang dari atas. Kadang-kadang ada orang memandang dari bawah, tidak banyak orang nampak. Kalau dia memandang dari atas, bukit-bukau, paya, anak air, semua dia nampak. Inilah orang yang patut kita cari dan orang yang benar-benar tahu. Kalau tidak, sesatlah kita di dalam perjalanan untuk menjayakan kebahagian negara kita ini.

Saya rasa setakat itulah sahaja pandangan saya dan sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam, 1977 ini.

6.26 ptg.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini dan sebelum saya memberi pandangan saya kepada Undang-undang ini terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan kerana dengan segera dan bijaksananya menyusun satu Undang-undang yang begitu baik dan lengkap bagi menyelesaikan masalah pekerja-pekerja kita pada masa ini. Saya percaya dengan pengalaman yang telah kita lalui dan yang telah kita hadapi semenjak beberapa bulan yang lepas, saya percaya Kerajaan akan dapat menyelesaikan masalah-masalah yang maha besar ini dan kita boleh memberi keyakinan yang penuh kepada Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Mahathir yang telah begitu lama menghadapi masalah ini, akan dapat

dengan senjata ataupun dengan Undang-undang yang ada ini, akan dapat menyelesaikan masalah-masalah yang rumit dan besar ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya pekerja-pekerja patut memberi satu pujian kepada Kerajaan di dalam mengadakan Rang Undang-undang ini kerana Rang Undang-undang ini diadakan, saya faham boleh dikatakan dengan kerana pimpinan Yang di-Pertua CUEPACS kita sekarang iaitu Encik T. Narendran yang mana kerana dengan pimpinannya yang menimbulkan masalah yang ada pada kita hari ini dan yang menimbulkan fikiran untuk mengadakan Rang Undang-undang ini. Ini satu perkara yang patut disedari oleh semua pekerja, oleh pengikut-pengikut dan penyokong-penyokong Narendran, kerana Narendranlah Undang-undang ini diadakan oleh Kerajaan untuk menyelesaikan masalah mereka. Jadi patutlah mereka ini memberi pujian kepada Kerajaan, kerana Kerajaan mengadakan Undang-undang, saya fikirlah apa yang dikehendaki oleh Yang di-Pertua CUEPACS sendiri untuk menyelesaikan masalah tanggagaji, masalah kepincangan yang ada dalam tanggagaji yang disusun oleh Jawatankuasa Kabinet itu sendiri.

Kalau sekiranya kita hendak salahkan kepada Kerajaan mengadakan satu Undang-undang yang keras dan kasar, menyekat, tidak boleh mogok dan sebagaimana saya rasa ini tidak betul, kalau pekerja hendak mengatakan Kerajaan mengadakan satu Undang-undang yang kasar, menyekat daripada mogok, menyekat daripada piket dan sebagainya. Ini tidak betul, kerana Kerajaan mengadakan Undang-undang ini untuk mententeramkan keadaan, mententeramkan suasana supaya dapat diadakan satu perundingan, satu pertimbangan yang baik dalam saat yang lebih tenang.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup. Yang Berhormat Datuk bolehlah sambung pada hari Isnin.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Kewangan (Puan Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

Cukai Pendapatan—Pelepasan

6.31 ptg.

Datuk Haji Abu Bakar Titingan bin Dam-sani: Alhamdulillah dan syukur, Tuan Yang di-Pertua, kerana diberi kesempatan kepada saya berucap di Dewan yang mulia ini.

Di sini saya ingin menyentuh mengenai soal pelepasan cukai pendapatan (income tax rebate) dengan tujuan semoga akan dapat dikaji semula oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kita. Pelepasan cukai pendapatan yang ada sekarang ini menurut himat saya sudah kurang menasabah memandangkan kepada elaun-elaun kos hidup (cost of living allowance) yang nampaknya sudah meningkat dari yang sudah-sudah. Justeru, Tuan Yang di-Pertua, sudah begitu lama Akta Cukai Pendapatan ini masih belum diubahsuai atau dipinda.

Tuan Yang di-Pertua, pelepasan cukai pendapatan sebanyak \$2,000 bagi seorang oleh kerana seperti sebab-sebab yang saya sebutkan itu, maka saya rasa pelepasan yang hanya \$2,000 itu adalah sudah tidak wajar. Apatah lagi sistem pelepasan cukai pendapatan bagi tanggungan-tanggungan pertama adalah tidak cukup, kedua bertambah-tambah lagi kurang pula untuk anak yang kedua dan seterusnya dan ketiga pelepasan ini hanya diberi sehingga kepada anak yang kelima sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia ini juga izinkanlah saya menerangkan bahawa selalunya kos bagi menampung hidup seorang isteri yang menjadi tanggungan itu adalah lebih besar daripada kos hidup sipembayar cukai itu sendiri iaitu si suami maka oleh itu pada himat saya pelepasan cukai pendapatan bagi isteri yang menjadi tanggungan si suami itu patutlah sekurang-kurangnya sama dengan cukai pendapatan yang diberikan kepada suaminya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai anak-anak pula lazimnya dalam masyarakat kita ibubapalah yang berkorban untuk persekolahan anak-anak tidak kira anak pertama, anak kedua, anak ketiga atau anak yang kesepuluh. Begitu juga layanan dan kos perbelanjaan

pun adalah serupa bagi tiap-tiap anak, anak-anak yang sedang membesar itu mengalami proses yang sama dan serupa yakni sesuatu proses yang mesti memerlukan makanan dan minuman yang berzat, pakaian yang bersih, perubahan yang moden dan sebagainya, maka kesemua itu memerlukan wang. Jadi, sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya merasa adalah sangat wajar dan baik jika pelepasan cukai pendapatan bagi anak-anak tanggungan sipembayar itu semuanya disamakan ikut anak yang pertama iaitu \$750 dengan tidak berpandukan kepada sliding scale.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang patut mendapat perhatian iaitu istilah keluarga dalam masyarakat kita di Malaysia. Istilah keluarga di negara kita ini termasuk juga ibubapa sipembayar cukai. Jadi sebab itu pada fikiran saya sekiranya ada bukti bahawa sipembayar cukai pendapatan itu ada menanggung kos hidup kedua ibubapanya maka saya inginlah mencadangkan supaya pelepasan cukai pendapatan bagi ibubapa itu hendaklah juga diberi.

Tuan Yang di-Pertua, jika tidak silap soal pelepasan cukai pendapatan untuk ibubapa ini ada juga diamalkan di beberapa negara lain dan jika pun tidak ada maka saya rasa eloklah negara kita ini memulakannya sampai perkembangan umat Muhammad (s.a.w.) yang menjadi kebanggaan betul-betul selaras dengan ugama Islam yang telah menjadi ugama rasmi negara kita ini.

6.36 ptg.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa perkara mengenai income tax rebate atau pelepasan cukai pendapatan. Di sini inginlah saya menerangkan beberapa perkara yang telah dibangkitkan itu yang mana Ahli Yang Berhormat masih mengangapi menasabah, beberapa daripada susunan cukai pendapatan.

Pertamanya, di antara negeri-negeri yang sedang membangun Malaysia adalah sebuah negeri yang memberi pelepasan cukai yang tertinggi. Tiap-tiap seorang pembayar cukai diberi pelepasan cukai persendirian berjumlah sebanyak \$2,000, pelepasan cukai atas pendapatannya sebanyak 10% dari pendapatan tertakluk kepada had maksima sebanyak \$1,000, juga pelepasan bagi isteri berjumlah \$1,000, dan juga sebanyak \$2,350

bagi lima orang anak dan pelepasan sebanyak \$3,000 untuk caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan premium-premium insuran. Jumlah maksima pelepasan cukai yang boleh didapati oleh seseorang pembayar cukai setakat ini ialah \$9,350.

Ini bermakna bahawa pekerja-pekerja yang memperolehi pendapatan sebanyak \$779 sebulan dan mempunyai tanggungan seperti yang saya sebutkan tadi, dan juga membuat sumbangan untuk premium-premium insuran tidak perlu membayar apa-apa cukai pendapatan. Di samping itu juga, rebate cukai sebanyak \$60 bagi pembayar cukai sendiri dan \$30 bagi isterinya juga ada diberi di bawah pindaan yang baru.

Jika sekiranya jumlah pelepasan cukai ini dikira sebagai "ratio" pendapatan perkapita maka didapati "ratio" di Malaysia adalah tinggi dibandingkan dengan "ratio" di negara-negara Asean dan juga di negara-negara yang sedang maju. Sebagai contoh bagi seseorang pembayar cukai yang mempunyai empat orang anak, isterinya tidak bekerja dan carumannya kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan juga insuran berjumlah \$1,000 sebulan, "ratio" yang disebutkan tadi bagi negeri-negeri Asean adalah seperti berikut:

Singapura	1.2
Indonesia	2.3
Thailand	3.1
Philippines	4.4
Malaysia	4.5

Di antara negara-negara yang maju "ratio"-nya adalah seperti berikut:

Jepun	1.0
Canada	1.1
United Kingdom	1.5

Ini bermakna, di Malaysia jumlah pelepasan cukai yang diberi ialah 4.5 kali ganda pendapatan perkapita dibandingkan dengan "ratio" yang lebih rendah di negara-negara lain seperti saya terangkan tadi.

Berkenaan dengan pelepasan cukai yang diberi untuk anak-anak, di Malaysia pelepasan seperti kita sedia maklum diberi untuk lima orang anak, manakala di Singapura misalnya pelepasan diberi kepada

tiga orang anak dan di Filipina untuk empat orang anak sahaja. Dengan sistem pelepasan cukai yang ada sekarang di Malaysia, seseorang pekerja berpendapatan rendah yang tidak mendapat faedah sepenuh daripada pelepasan cukai atas pendapatannya, atau tidak mempunyai polisi insuran, ia masih akan dapat melepaskan cukai yang sekurang-kurangnya berjumlah \$5,530. Ini bermakna pekerja-pekerja yang berpendapatan \$450 sebulan tidak perlu membayar cukai pendapatan. Jika rebate sebanyak \$90 dicampurkan pula, ini bermakna pendapatan yang melebihi dari \$500 sebulan juga tidak langsung dikenakan apa-apa cukai pendapatan. Ahli Yang Berhormat telah juga akan bersetuju bahawa seseorang yang berpendapatan \$500 sebulan itu adalah boleh dianggap sebagai seorang tidak golongan berpendapatan rendah. Dari an ini, jelaslah bahawa sistem pelepasan adaan di Malaysia buat masa ini bukan cukai berpatutan tetapi cuba memelihara kan sahaja kedudukan mereka yang berpendapatan jug derhana.

Ahli Yang Berhormat telah juga menyebut bahawa pelepasan cukai patut diberi kepada pembayar cukai yang menanggung ibubapanya. Dalam perkara ini adalah dimaklumkan bahawa beberapa masalah akan timbul kalau kita hendak mengimplimentasikan.

Pertama masalah tentang hendak menentukan siapa daripada anak-anak itu atau anggota satu keluarga yang sebenar-benarnya menanggung ibubapa itu. Kalau dia ada enam orang anak, anak mana yang minta pelepasan cukai. Susah bagi kita hendak mengesannya. Ada kemungkinan semua anak-anak akan menuntut pelepasan cukai bagi ibubapa, padahal seorang sahaja yang sebenarnya menanggung. Jadi kita dapati ini adalah satu masalah yang sukar bagi kita menimbang untuk pelepasan cukai bagi menanggung ibubapa. Bagaimanapun, pihak Kerajaan adalah sentiasa meneliti keadaan rakyat terutama keadaan golongan rakyat yang membayar cukai dari segi susunan cukai yang dikenakan dan juga beban cukai yang mereka tanggung. Dan jika dianggap perlu dan wajar susunan ini maka sudah pasti akan diubah-suai pada masa yang akan datang. Terima kasih.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari Isnin, 8hb Ogos, 1977.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.43 petang.